



LG

Life's Good

BAHASA MELAYU

简体中文

ENGLISH

Panduan Pengguna

用户手册

User Guide

LG-P880

MFL67864823 (1.0)

www.lg.com



LG-P880 Panduan Pengguna

Panduan pengguna ini membantu anda untuk mula menggunakan telefon anda.

- Sesetengah kandungan manual ini mungkin tidak berkaitan dengan telefon anda, bergantung kepada perisian telefon anda atau penyedia perkhidmatan anda.
- Telefon bimbit ini tidak sesuai untuk orang yang mempunyai kekurangan visual disebabkan papan kekunci skrin sentuhnya.
- Hak cipta ©2013 LG Electronics, Inc. Hak cipta terpelihara. LG dan logo LG adalah tanda dagangan berdaftar bagi Kumpulan LG dan entiti yang berkaitan dengannya. Semua tanda dagangan lain adalah harta pemilikinya masing-masing.
- Google™, Google Maps™, Gmail™, YouTube™, Google Talk™ dan Android Market™ adalah tanda dagangan Google, Inc.



Kandungan

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien.....	4	Menggunakan SmartShare	34
Mengenali telefon anda.....	11	Panggilan.....	37
Komponen peranti.....	18	Membuat panggilan	37
Fungsi QuickMemo	20	Membuat panggilan kepada kenalan anda..	37
Memasang kad SIM dan bateri	22	Menjawab dan Menolak Panggilan.....	37
Mengecas telefon anda	23	Melaraskan volum panggilan	37
Menggunakan kad memori.....	23	Membuat panggilan kedua	37
Mengunci dan menyahkunci skrin.....	24	Melihat log panggilan anda.....	38
Lindungi skrin kunci anda.....	25	Tetapan panggilan	38
Skrin Utama anda	26	Kenalan.....	39
Petua skrin sentuh.....	26	Mencari Kenalan.....	39
Halaman utama	26	Tambah Kenalan Baru	39
Menyesuaikan skrin Utama.....	27	Kenalan yang digemari.....	39
Kembali ke aplikasi yang digunakan baru-baru ini	27	Memindahkan kenalan dari Peranti Lama anda ke Peranti Baru anda.	40
Pelukis pemberitahuan.....	27	Mesej.....	41
Melihat bar status	28	Menghantar mesej.....	41
Papan kekunci atas skrin.....	29	Peti teruntai	41
Memasukkan huruf aksen	29	Menukar tetapan mesej anda	41
Persediaan akaun Google.....	30	E-mel	42
Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti	31	Menguruskan akaun e-mel.....	42
Wi-Fi.....	31	Menggunakan folder akaun	42
Menyambung ke rangkaian Wi-Fi.....	31	Mengarang dan menghantar e-mel.....	42
Bluetooth.....	32	Kamera	44
Berkongsi sambungan data telefon anda..	33	Mengenali pencari pandangan	44
Untuk menamakan semula atau menjamin keselamatan hotspot mudah alih anda	34	Menggunakan tetapan lanjutan.....	45
		Menangkap fotopantas	46
		Setelah anda mengambil gambar.....	47
		Melihat foto yang disimpan.....	48

Kamera video	49	Sandakan data telefon pintar anda.....	60
Mengenali pencari pandangan	49	Menjadualkan sandaran automatik.....	61
Menggunakan tetapan lanjutan.....	50	Memulihkan data telefon pintar.....	61
Merakam video pantas.....	50	Google+.....	62
Selepas merakam video	51	Carian Voice	62
Melihat video anda yang disimpan	51	MUAT TURUN	63
Melaraskan volum semasa melihat video..	51		
Multimedia	52	Web	64
Pemain Video	52	Internet	64
Memainkan video.....	52	Menggunakan bar alat web	64
Galeri.....	52	Menggunakan pilihan.....	64
Muzik.....	53	Chrome.....	65
Pindahkan fail menggunakan Penyegerakan		Tetapan	66
media (MTP).....	53	WAYARLES & RANGKAIAN	66
Memainkan lagu	53	PERANTI.....	68
Radio FM.....	54	PERIBADI.....	70
Mencari stesen	54	SISTEM	71
LG SmartWorld	56	Kemas kinian perisian telefon	72
Bagaimana untuk Pergi ke LG SmartWorld		DivX HD.....	73
daripada Telefon Anda.....	56	Telefon Pada Skrin LG	75
Bagaimana untuk menggunakan LG		Ikon On-Screen Phone	75
SmartWorld	56	Ciri On-Screen Phone.....	75
Utiliti	58	Bagaimana memasang Ciri On-Screen	
Menetapkan penggera anda	58	Phone pada PC anda.....	76
Menggunakan kalkulator anda.....	58	Aksesori	77
Menambah acara pada kalendar anda.....	58	Pencarisilapan	78
Perakam suara	58		
Pengurus tugasan.....	59		
Polaris Office 4	59		
Backup	60		

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

Sila baca garis panduan yang mudah ini. Tidak mengikut garis panduan ini mungkin merbahaya atau tidak sah.

Pendedahan kepada tenaga frekuensi radio

Maklumat pendedahan kepada gelombang radio dan Kadar Penyerapan Khusus (SAR).

Telefon mudah alih model LG-P880 ini telah direka bentuk untuk mematuhi keperluan keselamatan yang dikenakan bagi pendedahan kepada gelombang radio. Keperluan ini adalah berdasarkan garis panduan saintifik yang termasuk margin keselamatan yang direka bentuk untuk memastikan keselamatan semua orang tanpa mengira umur dan kesihatan.

- Garis panduan bagi pendedahan kepada gelombang radio menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Khusus, atau SAR. Ujian bagi SAR dijalankan menggunakan kaedah yang dipiawaikan dengan telefon memancarkan pada aras kuasa diperakui yang tertinggi dalam semua jalur frekuensi.
- Walaupun terdapat perbezaan antara tahap SAR pelbagai model telefon LG, semuanya direka bentuk untuk

memenuhi garis panduan yang berkaitan bagi pendedahan kepada gelombang radio.

- Had SAR yang disyorkan oleh Suruhanjaya mengenai Perlindungan Sinaran Bukan Pengion Antarabangsa (International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection) (ICNIRP) ialah 2 W/kg dipuratakan atas 10g tisu.
- Nilai SAR yang tertinggi untuk telefon model ini yang diuji untuk penggunaan telinga ialah 0.618 W/kg (10g) dan apabila dipakai pada badan ialah 0.594 W/kg (10g).
- Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan sama ada dalam kedudukan penggunaan normal pada telinga atau apabila diletakkan pada jarak sekurang-kurangnya 1.5 cm dari badan anda. Apabila bekas pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan untuk pengendalian pemakaian pada badan, ia tidak sepatutnya mengandungi logam dan perlu meletakkan produk pada jarak sekurang-kurangnya 1.5 cm dari badan anda. Untuk memindahkan data fail dan mesej, peranti ini memerlukan sambungan berkualiti pada rangkaian. Dalam beberapa

kes, pemindahan fail data atau mesej mungkin ditangguhkan sehingga sambungan tersebut tersedia. Pastikan arahan jarak pemisahan diikuti sehingga pemindahan selesai.

Penjagaan dan penyelenggaraan produk

AMARAN

Hanya gunakan bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan untuk digunakan bersama model tertentu telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang berkaitan dengan telefon, dan mungkin berbahaya.

- Jangan tanggalkan pemasangan unit ini. Bawa ia kepada juruteknik servis yang layak jika kerja pembaikan diperlukan.
- Pembaikan di bawah waranti, mengikut budi bicara LG, mungkin termasuk penggantian bahagian atau papan yang sama ada baru atau yang diperbaiki, asalkan kefungsiannya sebanding dengan bahagian yang diganti.
- Jauhkan dari perkakas elektrik seperti TV, radio, dan komputer peribadi.
- Unit ini hendaklah dijauhkan daripada sumber haba seperti radiator atau dapur.
- Jangan jatuhkan.
- Jangan biarkan unit ini terdedah kepada getaran mekanikal atau kejutan.
- Matikan telefon di mana-mana tempat yang memerlukan anda berbuat demikian oleh undang-undang khas. Contohnya, jangan gunakan telefon di hospital kerana ia mungkin mengganggu peralatan hospital yang sensitif.
- Jangan kendalikan telefon dengan tangan yang basah semasa telefon sedang dicas. Ia boleh menyebabkan terjadinya renjatan elektrik dan telefon mungkin akan rosak teruk.
- Jangan cas telefon bimbit berhampiran bahan yang mudah terbakar kerana telefon bimbit akan menjadi panas dan boleh menyebabkan bahaya kebakaran.
- Gunakan kain yang kering untuk membersihkan bahagian luar unit ini (jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair atau alkohol).
- Jangan cas telefon di atas perabot yang lembut.
- Telefon hendaklah dicas di kawasan berpengudaraan baik.

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

- Jangan dedahkan unit ini kepada asap atau habuk yang berlebihan.
- Jangan simpan telefon di sebelah kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat pada jalur magnetik.
- Jangan ketik skrin dengan objek yang tajam kerana ia boleh merosakkan telefon.
- Jangan dedahkan telefon kepada cecair atau kelembapan.
- Guna aksesori seperti fon telinga dengan berhati-hati. Jangan sentuh antena jika tidak diperlukan.
- Jangan gunakan, sentuh atau cuba untuk mengeluarkan atau membaiki kaca yang pecah, sumbing atau retak. Kerosakan pada paparan kaca kerana ia disia-siakan dan disalahgunakan adalah tidak diliputi oleh waranti ini.
- Telefon anda adalah peranti elektronik yang menjana haba pada penggunaan biasa. Sentuhan langsung dengan kulit dalam tempoh yang berpanjangan dalam keadaan pengudaraan tidak mencukupi mungkin akan mengakibatkan ketidakselesaan atau melecur sedikit. Oleh itu, anda hendaklah berjaga-jaga apabila

mengendalikan telefon anda atau betul-betul selepas menggunakannya.

Operasi telefon berkesan

Peranti elektronik

Semua telefon mudah alih mungkin mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.

- Jangan gunakan telefon mudah alih anda berhampiran kelengkapan perubatan tanpa meminta kebenaran. Elakkan meletak telefon di atas perentak jantung, contohnya, di dalam poket dada anda.
- Sesetengah alat bantu pendengaran mungkin diganggu oleh telefon mudah alih.
- Sedikit gangguan mungkin boleh menjejaskan TV, radio, PC, dsb.

Keselamatan jalan

Semak undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan telefon mudah alih di kawasan tempat anda memandu.

- Jangan gunakan telefon pegang tangan semasa memandu.
- Beri perhatian penuh kepada pemanduan anda.
- Pergi ke tepi jalan dan letak kereta sebelum membuat atau menjawab

panggilan jika keadaan pemanduan memerlukan anda berbuat demikian.

- Tenaga RF mungkin menjejaskan sesetengah sistem elektronik di dalam kenderaan anda seperti stereo kereta dan kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi beg udara, jangan halangnya dengan kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ia mungkin tidak berfungsi atau menyebabkan kecederaan serius disebabkan prestasi yang tidak betul.
- Jika anda mendengar muzik ketika bergerak dan berjalan, sila pastikan bahawa volum berada pada paras yang berpatutan agar anda sedar akan keadaan di sekeliling anda. Ini khususnya amat penting jika anda berdekatan jalan raya.

Elakkan kerosakan pendengaran anda



Untuk mencegah kerosakan pendengaran, jangan mendengar pada tahap volum yang tinggi untuk tempoh yang panjang.

Kerosakan pada pendengaran anda boleh berlaku jika anda terdedah kepada bunyi yang kuat untuk tempoh yang lama. Kami dengan ini mengesyorkan agar anda tidak menghidupkan atau mematikan telefon mudah alih berhampiran dengan telinga anda. Kami juga mengesyorkan bahawa volum muzik dan panggilan ditetapkan pada paras yang berpatutan.

- Apabila menggunakan fon kepala, kurangkan volum jika anda tidak dapat mendengar orang yang bercakap berdekatan dengan anda atau jika orang yang duduk di sebelah anda dapat mendengar apa yang sedang anda dengar.

NOTA: Tekanan bunyi yang melampau dari fon telinga dan fon kepala boleh menyebabkan kehilangan pendengaran.

Bahagian Kaca

Beberapa bahagian peranti mudah alih anda dibuat daripada kaca. Kaca ini akan retak atau pecah jika telefon anda terjatuh ke atas permukaan yang keras atau menerima impak yang kuat. Jika kacanya pecah, jangan sentuh atau cuba untuk menanggalkannya. Berhenti

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

menggunakan peranti mudah alih anda sehingga kaca diganti oleh pembekal khidmat yang diluluskan.

Kawasan letupan

Jangan gunakan telefon di mana peletupan sedang dijalankan. Patuhi sekatan dan ikut sebarang aturan dan peraturan.

Persekitaran boleh meletup

- Jangan gunakan telefon di tempat mengisi minyak.
- Jangan gunakan berhampiran bahan api atau bahan kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas mudah terbakar, cecair atau bahan letupan di dalam ruang yang sama dengan yang mengandungi telefon mudah alih anda dan aksesori anda.

Di dalam pesawat

Peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.

- Matikan telefon mudah alih anda sebelum menaiki sebarang pesawat terbang.
- Jangan menggunakannya apabila mendarat tanpa izin anak kapal.

Kanak-kanak

Simpan telefon di tempat yang selamat dan jauh daripada kanak-kanak kecil. Ia termasuk bahagian kecil yang boleh menyebabkan bahaya tercekik jika ia tertinggal.

Panggilan kecemasan

Panggilan kecemasan mungkin tidak tersedia di bawah semua rangkaian mudah alih. Oleh itu, anda tidak sepatutnya bergantung semata-mata kepada telefon anda untuk membuat panggilan kecemasan. Semak dengan pembekal khidmat tempatan anda.

Maklumat dan penjagaan bateri

- Anda tidak perlu menyahcas bateri sepenuhnya sebelum mengecasnya semula. Tidak seperti sistem bateri lain, tiada kesan memori yang boleh menjejaskan prestasi bateri.
- Gunakan hanya bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan buka pemasangan atau litar pintaskan bateri.
- Pastikan sesentuh logam pada bateri sentiasa bersih.

- Ganti bateri apabila ia tidak lagi memberi prestasi yang boleh diterima. Pek bateri mungkin dicas beratus kali sehingga ia perlu digantikan.
- Cas semula bateri jika ia tidak digunakan buat tempoh masa yang lama untuk memaksimumkan kebolegunaan.
- Jangan dedahkan pengecas bateri kepada cahaya matahari langsung atau gunakannya pada kelembapan yang tinggi, seperti di bilik air.
- Jangan biarkan bateri di tempat yang panas atau sejuk, ini mungkin menjejaskan prestasi bateri.
- Terdapat risiko letupan jika bateri digantikan dengan jenis yang salah.
- Lupuskan bateri yang telah digunakan mengikut arahan pengilang. Sila kitar semula yang mana mungkin. Jangan lupuskan sebagai sampah rumah yang biasa.
- Jika anda hendak mengganti bateri, bawa ia ke pusat servis LG Electronics atau wakil penjual yang disahkan untuk mendapatkan bantuan.
- Tanggalkan pengecas dari soket dinding selepas telefon dicas sepenuhnya untuk menjimatkan kuasa pengecas daripada penggunaan yang tidak perlu.
- Hayat sebenar bateri bergantung kepada konfigurasi rangkaian, tetapan produk, corak penggunaan, dan keadaan bateri dan persekitaran.
- Pastikan tiada item berbuca tajam seperti kuku atau gigi haiwan, bersentuhan dengan bateri. Ini akan menyebabkan kebakaran.

PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

Dengan ini, **LG Electronics** mengisytiharkan bahawa **produk LG-P880** mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain yang berkaitan pada Arahan **1999/5/EC**. Salinan Perisytiharan Pematuhan boleh didapati di <http://www.lg.com/global/support/cedoc/RetrieveProductCeDOC.jsp>

Suhu sekitar

Maks: +50°C (menyahcas),
+45°C (mengecas)

Min: -10°C

Notis: Perisian Sumber Terbuka

Untuk mendapatkan kod sumber sepadan di bawah GPL, LGPL, MPL dan lesen sumber terbuka yang lain, sila lawati <http://opensource.lge.com/>

Semua terma lesen, penafian dan notis sedia untuk dimuat turun dengan kod sumber.

Pejabat hubungan bagi kepatuhan produk in:

LG Electronics Inc.
EU Representative, Krijgsman 1,
1186 DM Amstelveen, The Netherlands

Mengenali telefon anda


Sebelum mula menggunakan telefon, sila baca ini!

Sila semak sama ada masalah telefon yang anda hadapi telah diterangkan dalam bahagian ini sebelum anda membawa telefon anda untuk diservis atau menghubungi wakil servis.

1. Memori telefon

Apabila ruang yang tinggal pada memori telefon anda kurang daripada 10%, telefon anda tidak akan dapat menerima mesej yang baru. Anda perlu memeriksa memori telefon anda dan memadamkan sebahagian data seperti aplikasi atau mesej, agar lebih banyak memori tersedia.

Untuk membuang pemasangan aplikasi:

- 1 Sentuh  > Tab **Apl** > **Tetapan** > **Apl** daripada kategori PERANTI.
- 2 Selepas semua aplikasi muncul, tatal dan pilih aplikasi yang hendak anda nyahpasang.
- 3 Sentuh **Buang pemasangan**.

2. Mengoptimumkan hayat bateri

Anda boleh memanjangkan hayat bateri antara cas dengan mematikan ciri yang tidak perlu dijalankan di latar belakang. Anda juga boleh memantau bagaimana aplikasi dan sumber sistem menggunakan kuasa bateri.

Memanjangkan hayat bateri anda:

- Matikan komunikasi radio yang tidak anda gunakan. Jika anda tidak menggunakan Wi-Fi, Bluetooth atau GPS, matikan ia.
- Kurangkan kecerahan skrin dan tetapkan masa tamat skrin yang lebih pendek.
- Matikan penyegerakan automatik bagi Gmail, Kalendar, Kenalan dan aplikasi lain.
- Sesetengah aplikasi yang telah anda muat turun mungkin akan mengurangkan kuasa bateri.

Untuk memeriksa tahap cas bateri:

- Sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan** > **Mengenai telefon** daripada SISTEM > **Bateri**.

Status bateri (sedang mengecas atau tidak mengecas) dan parasnya (peratus

Mengenalinya telefon anda

dicas) akan dipaparkan pada bahagian atas skrin.

Untuk mengawasi dan mengawal bagaimana kuasa bateri digunakan:

- Sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan** > **Mengenai telefon** daripada **SISTEM** > **Bateri** > **Penggunaan bateri**.

Masa penggunaan bateri dipaparkan di bahagian atas skrin. Ia memberitahu tempoh masa semenjak anda menyambung telefon anda kepada sumber kuasa atau, jika sedang disambung kepada sumber kuasa, berapa lama telefon berjalan menggunakan kuasa bateri pada kali terakhir. Skrin akan menunjukkan aplikasi atau perkhidmatan yang menggunakan kuasa bateri, yang disusun dari penggunaan terbesar hingga terkecil.

3. Menggunakan folder

Anda boleh gabungkan beberapa ikon aplikasi ke dalam suatu folder. Lepaskan satu ikon aplikasi ke atas yang satu lagi pada skrin utama, maka kedua-dua ikon ini akan bergabung.

4. Sebelum memasang aplikasi dan OS sumber terbuka

AMARAN

Jika anda memasang dan menggunakan OS selain daripada yang disediakan oleh pengeluar, ini mungkin akan menyebabkan telefon anda gagal berfungsi. Di samping itu, telefon anda tidak lagi dilindungi oleh waranti ini.

AMARAN

Untuk melindungi telefon dan data peribadi anda, hanya muat turun aplikasi daripada sumber yang boleh dipercayai, seperti Play Store™. Jika terdapat aplikasi yang tidak dipasang dengan betul pada telefon anda, telefon anda mungkin tidak akan berfungsi dengan betul atau ralat yang serius mungkin berlaku. Anda hendaklah menyahpasang aplikasi-aplikasi tersebut dan semua data dan tetapannya daripada telefon.

5. Menggunakan corak buka kunci

Tetapkan corak buka kunci untuk melindungi telefon anda. Ini akan membuka skrin yang akan memberi panduan kepada anda tentang cara melukis corak nyahkunci skrin. Anda hendaklah mencipta PIN Sandaran sebagai langkah keselamatan jika anda terlupa corak kunci.

Amaran: Buka akaun Google sebelum menetapkan corak buka kunci dan ingat PIN Sandaran yang anda cipta sewaktu mencipta Corak kunci.

AMARAN

Langkah berjaga-jaga semasa menggunakan kunci corak.

Mengingati corak buka kunci yang anda tetapkan amatlah penting. Anda tidak akan dapat mengakses telefon anda jika anda menggunakan corak yang salah sebanyak 5 kali. Anda mempunyai 5 peluang untuk memasukkan corak buka kunci, PIN atau kata laluan anda. Jika anda telah menggunakan kesemua 5 peluang, anda boleh mencuba lagi selepas 30 saat.

Apabila anda tidak ingat Corak nyahkunci, PIN, atau Kata Laluan anda:

<Jika anda terlupa corak>

Jika anda log masuk ke akaun Google anda pada telefon tetapi gagal memasukkan corak yang betul sebanyak 5 kali, ketik butang Terlupa corak pada bahagian bawah skrin. Anda kemudian akan diminta untuk log masuk dengan akaun Google anda atau anda perlu masukkan PIN Sandaran yang dimasukkan ketika mencipta Corak Kunci. Jika anda belum membuat akaun Google pada telefon atau anda terlupa PIN Sandaran, anda perlu melakukan set semula keras.

<Jika anda terlupa PIN atau Kata Laluan>

Jika anda terlupa PIN atau Kata Laluan, anda hendaklah melakukan set semula keras.

Awas: Jika anda melakukan set semula keras, semua aplikasi pengguna dan data pengguna akan terpadam.

Nota: Jika anda belum log masuk Akaun Google dan terlupa Corak Buka Kunci, anda perlu memasukkan PIN Sandaran.

Mengenali telefon anda

6. Menggunakan set semula keras (Set semula kilang)

Jika telefon anda tidak kembali pada keadaan asal, guna Set Semula Keras (Set Semula Kilang) untuk memulakannya.

- 1 Matikan kuasa.
- 2 Tekan dan tahan kekunci **Kuasa/ Kunci + kekunci Turun Volum**.
- 3 Apabila Logo LG muncul pada skrin, lepaskan semua Kekunci.
- 4 Selepas beberapa saat, anda akan dibolehkan untuk memilih fungsi set semula kilang dalam utiliti pemulihan sistem Android.
- 5 Tatal melalui senarai dengan kekunci Volum dan pilih ia dengan kekunci **Kuasa/Kunci**.

AMARAN

Jika anda melakukan Set Semula Keras, semua aplikasi pengguna, data pengguna dan lesen DRM akan dipadam. Jangan lupa untuk menyandarkan sebarang data penting sebelum melakukan Set Semula Keras.

7. Membuka dan beralih antara aplikasi

Berbilang tugas menjadi mudah dengan Android kerana lebih daripada satu aplikasi boleh berjalan pada masa yang sama. Tidak perlu keluar dari aplikasi sebelum membuka yang lain. Gunaan dan beralih antara beberapa aplikasi terbuka. Android mengurus setiap aplikasi, menghenti dan memulakannya seperlunya untuk memastikan bahawa aplikasi melalu tidak menggunakan sumber jika tidak perlu.

Untuk kembali melihat senarai aplikasi yang baru digunakan:

Sentuh dan tahan kekunci **Rumah**.

Untuk menghentikan aplikasi:

- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan** > **Apl** > **Berlari** daripada **PERANTI**
- 2 Tatal dan sentuh aplikasi yang diingini dan tekan **Henti** untuk menghentikannya.

8. Memasang Perisian PC (LG PC Suite)

Aplikasi PC "LG PC Suite" adalah program yang membantu anda menyambung peranti anda ke PC melalui kabel USB dan Wi-Fi. Setelah tersambung, anda boleh menggunakan fungsi peranti anda dari PC anda.

Dengan Aplikasi PC "LG PC Suite" anda, anda boleh...

- Uruskan dan mainkan kandungan media anda (muzik, filem, gambar) pada PC anda.
- Hantar kandungan multimedia ke peranti anda.
- Menyegerakkan data (jadual, kenalan, penanda buku) dalam peranti dan PC anda.
- Sandarkan aplikasi dalam peranti anda.
- Kemas kini perisian dalam peranti anda.
- Sandarkan dan pulihkan peranti.
- Mainkan kandungan multimedia PC anda daripada peranti lain.

NOTA: Anda boleh menggunakan menu Bantuan daripada aplikasi untuk mengetahui cara menggunakan aplikasi PC "LG PC Suite" anda.

Memasang Aplikasi PC "LG PC Suite"

Aplikasi PC "LG PC Suite" boleh dimuat turun dari laman web LG.

- 1 Pergi ke www.lg.com dan pilih negara pilihan anda.
- 2 Pergi ke **Sokongan > Sokongan Telefon Mudah Alih > Pilih Model (LG-P880)**.
- 3 Klik **Segerak PC** daripada **Muat turun**, dan klik **WINDOWS PC Sync Download** untuk memuat turun perisian PC "LG PC Suite".

Keperluan Sistem untuk perisian PC "LG PC Suite"

- OS: Windows XP 32 bit (Pek servis 2), Windows Vista 32 bit/64 bit, Windows 7 32 bit/64 bit
- CPU: Pemproses 1 GHz atau lebih tinggi
- Memori: 512 MB RAM atau lebih tinggi
- Kad grafik: resolusi 1024 x 768, 32 bit warna atau lebih tinggi
- HDD: 100 MB atau lebih ruang cakera keras bebas (Lebih banyak ruang bebas cakera keras mungkin diperlukan bergantung pada jumlah data yang disimpan.)
- Perisian diperlukan: pemacu integrasi LG, Windows Media Player 10 atau lebih baru

Mengenalinya telefon anda

NOTA: Pemacu USB Bersepadu LG

Pemacu USB bersepadu LG diperlukan untuk menyambungkan peranti LG dan PC dan dipasang secara automatik apabila anda memasang perisian PC "LG PC Suite".

9. Menyegerakkan telefon anda kepada Komputer

Data daripada peranti dan PC anda boleh disegerakkan dengan mudah dengan adanya perisian PC "LG PC Suite" untuk kemudahan anda. Kenalan, jadual dan penanda buku boleh disegerakkan.

Prosedurnya adalah seperti berikut:


- 1 Sambungkan peranti anda ke PC. (Gunakan kabel USB atau sambungan Wi-Fi.)
- 2 Selepas sambungan, jalankan program dan pilih seksyen peranti daripada kategori di sebelah kiri skrin.
- 3 Klik [Maklumat peribadi] untuk memilih.
- 4 Tandakan kotak semak kandungan untuk menyegerakkan dan klik butang **Pygrkn**.

10. Menyegerakkan telefon anda kepada komputer melalui USB


NOTA: Untuk menyegerakkan telefon dengan PC anda menggunakan kabel USB, anda perlu memasang program LG PC Suite pada PC anda. Sila rujuk halaman-halaman sebelumnya untuk memasang LG PC Suite.

- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan** > **Storan** daripada PERANTI untuk memeriksa media simpanan. (Jika anda hendak memindahkan fail dari atau ke kad memori, masukkan kad memori ke dalam telefon.)
- 2 Sambungkan telefon ke PC anda menggunakan kabel USB.
- 3 Senarai mod sambungan USB akan muncul, dan pilih opsi **Penyegerakan media (MTP)**.
- 4 Buka folder memori boleh alih pada PC anda. Anda boleh melihat kandungan penyimpanan massa pada PC anda dan pindahkan fail tersebut.
- 5 Salin fail dari PC anda ke dalam folder pemacu.

6 Pilih pilihan Cas sahaja untuk memutuskan sambungan telefon.

PETUA! Untuk menggunakan kad microSD pada telefon anda sekali lagi, anda perlu membuka pelukis pemberitahuan dan menyentuh  > **Cas sahaja**.

Untuk menanggalkan sambungan telefon anda daripada komputer.

Buka pelukis pemberitahuan dan sentuh  > **Cas sahaja** untuk memutuskan sambungan telefon anda daripada komputer dengan selamat.

11. Pegang telefon anda dengan menegak

Pegang telefon anda dalam keadaan tegak lurus, sebagaimana telefon biasa. LG-P880 mempunyai antena dalaman. Anda hendaklah berhati-hati agar tidak mencalar atau merosakkan bahagian belakang telefon, kerana ini mungkin akan menjejaskan prestasi.

Semasa membuat/menerima panggilan atau menghantar/menerima data, elakkan daripada memegang bahagian bawah telefon tempat letak antena. Berbuat demikian dapat menjejaskan kualiti panggilan.

12. Apabila skrin menjadi kaku

Jika skrin menjadi kaku atau telefon tidak memberi respons ketika anda cuba mengendalikannya:

Keluarkan bateri, masukkannya semula, lalu hidupkan telefon.


ATAU

Sentuh dan tahan kekunci **Kuasa/Kunci** untuk 10 saat untuk mematikannya.

Jika ia masih tidak berfungsi, sila hubungi pusat servis.

Mengenalinya telefon anda

Komponen peranti



Alat cuping telinga

Kekunci Kuasa/Kunci

- Menghidupkan/mematikan telefon anda dengan menekan dan menahan kekunci.
- Tekan sekejap untuk mengunci/nyahkunci skrin.

Kanta kamera

Sensor kedekatan

Kekunci Undur



Kembali ke skrin sebelumnya.

Kekunci Utama

Kembali ke skrin utama daripada mana-mana skrin.

Kekunci menu



- Semak pilihan yang tersedia.
- Pergi ke Google Search™ dengan menekan dan menahan kekunci ini.

NOTA: Sensor kedekatan

Semasa menerima dan membuat panggilan, sensor kedekatan akan mematikan lampu latar secara automatik dan mengunci skrin sentuh dengan mengesan apabila telefon berada berdekatan dengan telinga anda. Ini akan memanjangkan hayat bateri dan mengelakkan pad kekunci sentuh daripada diaktifkan tanpa sengaja semasa panggilan.

⚠️ AMARAN



Meletakkan objek berat di atas telefon atau duduk di atasnya akan merosakkan LCD dan kefungsiannya skrin sentuhnya. Jangan tutup sensor kedekatan dengan filem pelindung. Ini boleh menyebabkan sensor pincang tugas.



Kekunci volum

- **Dalam skrin utama:** Kawal volum pendering.
- **Semasa panggilan:** Kawal volum alat cuping telinga anda.
- **Semasa memainkan lagu:** Kawal volum secara berterusan.


Petua! Tekan dan tahan Kekunci Volum ke Atas dan Volum ke Bawah selama sesaat untuk menggunakan fungsi **QuickMemo**.



Mengenalinya telepon anda

Fungsi QuickMemo

Gunakan **fungsi QuickMemo** untuk mencipta memo secara praktikal dan berkesan sewaktu dalam panggilan, dengan gambar yang telah disimpan atau pada skrin telefon semasa.




ATAU





ATAU

Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah dan sentuh .



- 2 Pilih pilihan menu yang diinginkan daripada **Jenis pen**, **Warna**, **Pemadam** dan membuat memo.









- 3 Sentuh  dalam menu Edit dan pilih ia untuk menyimpan memo dengan skrin semasa.

NOTA: Sila gunakan hujung jari anda ketika menggunakan fungsi QuickMemo. Jangan gunakan kuku jari anda.

Menggunakan pilihan QuickMemo

Anda dengan mudah dapat menggunakan pilihan QuickMenu semasa menggunakan fungsi QuickMemo.

	Memilih sama ada anda ingin menggunakan skrin latar belakang atau tidak.
	Buat asal atau Buat semula.
	Pilih jenis pen dan warnanya.
	Memadamkan memo yang telah anda cipta.
	Sentuh untuk menghantar memo anda kepada orang lain atau berkongsinya melalui perkhidmatan rangkaian sosial.
	Menyimpan memo dengan skrin semasa dalam Galeri .

Melihat QuickMemo yang disimpan


Sentuh **Galeri** dan pilih album QuickMemo.

Mengenali telefon anda


Memasang kad SIM dan bateri

Sebelum anda boleh mula menerokai telefon baru anda, anda perlu membuat persediaan terlebih dahulu. Untuk memasukkan kad SIM dan bateri:


- 1 Untuk mengeluarkan penutup belakang, pegang telefon dengan kukuh pada sebelah tangan anda. Dengan tangan yang satu lagi, tarik keluar penutup dengan ibu jari anda seperti yang ditunjukkan dalam rajah.



- 2 Luncurkan kad SIM ke dalam slot kad SIM. Pastikan kawasan sesentuh emas pada kad menghadap ke bawah.



- 3 Masukkan bateri ke tempatnya dengan menyejajarkan sesentuh keemasan pada telefon dan bateri (1) dan menekannya ke bawah sehingga ia berdetap di tempatnya (2).



- 4 Selariskan penutup belakang di atas ruang bateri (1) dan tekan ke bawah sehingga ia berdetap di tempatnya (2).



Mengecas telefon anda

Penyambung pengecas terletak di bahagian bawah telefon. Masukkan pengecas, dan pasang plag pada bekalan kuasa elektrik.



NOTA

- Bateri hendaklah dicas sepenuhnya pada awalnya untuk memperbaiki jangka hayat bateri.
- Jangan buka penutup belakang bateri semasa mengecas telefon anda.


Menggunakan kad memori

Untuk memasukkan kad memori:

Masukkan kad memori ke dalam slot. Pastikan kawasan sesentuh emas menghadap ke bawah.

Untuk mengeluarkan kad memori dengan selamat:

Sentuh  > Tab **Apl** > **Tetapan** > **Storan** daripada PERANTI > **Menyahlekap kad SD** > **Pilih**.



Mengenali telefon anda

NOTA: LG-P880 menyokong kad memori sehingga 64 GB.

AMARAN

Jangan masukkan atau keluarkan kad memori semasa telefon dihidupkan. Berbuat demikian mungkin akan merosakkan kad memori serta telefon anda, dan data yang disimpan pada kad memori mungkin akan rosak.

Untuk memformat kad memori:

Kad memori mungkin telah diformatkan. Jika tidak, anda mesti memformatkannya sebelum anda boleh menggunakannya.

NOTA: Semua fail pada kad memori anda akan dipadamkan apabila ia diformatkan.


- 1 Pada skrin utama, sentuh  > tab **Apl** untuk membuka menu.
- 2 Tatal dan sentuh **Tetapan** > **Storan**.
- 3 Sentuh **Menyahlekap kad SD** dan sentuh **Pilih** untuk mengesahkannya.
- 4 Sentuh **Padam kad SD** > **Padam kad SD** > **Memadam semua**, kemudian sahkan pilihan anda.
- 5 Jika anda telah menetapkan kunci corak, masukkan kunci corak kemudian pilih **Memadam semua**.

NOTA: Jika terdapat kandungan pada kad memori anda, struktur foldernya mungkin akan berbeza selepas pemformatan memandangkan semua fail telah dipadamkan.

Mengunci dan menyahkunci skrin

Jika anda tidak menggunakan telefon buat beberapa lama, skrin akan terpadam dan terkunci secara automatik. Ini membantu menghalang daripada kekunci ditekan tanpa sengaja dan menjimatkan kuasa bateri.

Apabila anda tidak menggunakan LG-P880, tekan **kekunci Kuasa/Kunci**  untuk mengunci telefon anda.

Jika mana-mana program sedang berjalan ketika anda menetapkan skrin kunci, ia mungkin masih terus berjalan dalam mod Kunci. Anda disyorkan agar keluar daripada semua program sebelum memasuki mod Kunci untuk mengelakkan bayaran yang tak perlu (seperti panggilan telefon, akses web dan komunikasi data). Untuk membangunkan telefon anda, tekan **Kekunci Kuasa/Kunci** . Skrin kunci akan muncul. Sentuh dan luncurkan skrin kunci ke mana-mana arah untuk

membuka kunci skrin utama anda. Skrin terakhir yang anda lihat akan terbuka.

Lindungi skrin kunci anda

Anda boleh mengunci skrin anda agar hanya anda sahaja yang boleh membuka kuncinya untuk mengakses telefon anda.

Untuk menetapkan Corak Nyahkunci, PIN atau Kata Laluan buat kali pertama:

- Sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan** > **Skrin kunci** > **Pilih skrin kunci** > **Tiada, Seret, Membuka kunci Muka, Corak, PIN,** atau **Kata laluan.**

NOTA:

Langkah berjaga-jaga semasa menggunakan kunci corak.

Mengingati corak buka kunci yang anda tetapkan amatlah penting. Anda tidak akan dapat mengakses telefon anda jika anda menggunakan corak yang salah sebanyak 5 kali. Anda mempunyai 5 peluang untuk memasukkan corak buka kunci, PIN atau kata laluan anda. Jika anda telah menggunakan kesemua 5 peluang, anda boleh mencuba lagi selepas 30 saat.

Sekiranya anda tidak ingat corak nyahkunci anda:

Jika anda log masuk ke dalam akaun Google anda pada telefon tetapi gagal memasukkan corak yang betul sebanyak 5 kali, ketik butang **Terlupa corak**.

Kemudian, anda akan dikehendaki mendaftar masuk dengan akaun Google anda untuk menyahkunci telefon anda.

Jika anda belum membuat akaun Google pada telefon atau anda terlupa, anda perlu melakukan set semula kilang.

Skrin Utama anda

Petua skrin sentuh

Di sini terdapat beberapa petua mengenai bagaimana untuk menavigasi di sekitar telefon anda.

Sentuh - Untuk memilih menu/pilihan atau membuka aplikasi, sentuh ia.

Sentuh dan tahan - Untuk membuka pilihan menu atau mencapai objek yang hendak anda pindahkan, sentuh dan tahan ia.

Seret - Untuk menatal melalui senarai atau bergerak dengan perlahan, seret merentasi skrin sentuh.

Kuis - Untuk menatal melalui senarai atau bergerak dengan pantas, kuis merentasi skrin sentuh (seret dengan pantas dan lepaskan).

NOTA:

- Untuk memilih item, sentuh bahagian tengah ikon.
- Jangan tekan terlalu kuat; skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan sentuhan yang ringan dan kukuh.
- Gunakan hujung jari anda untuk menyentuh pilihan yang anda kehendaki. Berhati-hati supaya tidak tersentuh kekunci lain.

Halaman utama

Hanya sapukan jari anda ke kiri atau kanan untuk melihat panel. Anda boleh suaiakan setiap panel dengan Apl, Muat Turun, Widget dan kertas hias dinding.


NOTA: Sesetengah imej skrin mungkin berlainan bergantung kepada pembekal telefon anda.

Dalam skrin utama anda, anda boleh melihat ikon menu di bahagian bawah skrin. Ikon menu memberikan akses mudah satu sentuhan kepada fungsi yang paling kerap anda gunakan.

 Sentuh ikon **Telefon** untuk membawa ke atas pad dailan sentuh untuk membuat panggilan.

 Sentuh ikon **Kenalan** untuk membuka kenalan anda.

 Sentuh ikon **Mesej** untuk mengakses menu pemesejan. Anda boleh mengarang mesej baru di sini.

 Sentuh tab **Apl** pada bahagian bawah skrin. Anda kemudian boleh melihat semua aplikasi yang telah anda pasang. Untuk membuka mana-mana aplikasi, hanya sentuh ikon dalam senarai aplikasi.


Menyesuaikan skrin Utama

Anda boleh menyesuaikan skrin utama anda dengan menambahkan Aplikasi, Muat Turun, Widget, atau Kertas Hias Dinding. Untuk memudahkan penggunaan telefon anda, tambah widget kegemaran anda pada skrin utama.

Untuk menambah item pada skrin utama anda:

- 1 Sentuh dan tahan bahagian kosong pada skrin utama.
Atau sentuh **+** pada bahagian atas kanan.
- 2 Pada menu Add Mode, pilih item yang hendak anda tambah. Kemudian anda akan melihat item yang ditambah pada skrin utama.
- 3 Seret ia ke lokasi yang anda kehendaki dan angkat jari anda.

Untuk memadamkan item daripada skrin utama:

- **Skrin utama** > sentuh dan tahan ikon yang hendak anda alih keluar > seret ia ke 

PETUA! Untuk menambahkan ikon aplikasi pada skrin utama pada menu Aplikasi, sentuh dan tahan aplikasi yang hendak anda tambah.

Kembali ke aplikasi yang digunakan baru-baru ini



- 1 Sentuh dan tahan kekunci **Utama**.
Skrin akan menunjukkan pop timbul dengan ikon aplikasi yang anda gunakan baru-baru ini.
- 2 Sentuh ikon untuk membuka aplikasinya. Atau, sentuh kekunci **Kembali** untuk kembali ke aplikasi semasa.

Pelukis pemberitahuan

Pelukis pemberitahuan berjalan merentasi bahagian atas skrin anda.



Sentuh dan luncurkan pelukis pemberitahuan ke bawah dengan jari anda.

Sentuh  >  untuk menguruskan Pemberitahuan. Di sini anda boleh menyemak dan menguruskan QuickMemo, Profil Bunyi, Wi-Fi, Bluetooth, NFC, Akaun & segerak, Mod kapal terbang, Skrin auto

Skrin Utama anda

putar, Data didayakan, GPS atau Hotspot Wi-fi Mudah alih.

Melihat bar status

Bar status menggunakan ikon berlainan untuk memaparkan maklumat telefon, seperti kekuatan isyarat, mesej baru, hayat bateri, dan sambungan Bluetooth dan data yang aktif.



Di bawah adalah jadual yang menerangkan makna ikon yang akan anda lihat dalam bar status.

Ikon	Huraian
	Tiada kad SIM
	Tiada isyarat
	Mod pesawat
	Disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi
	Alat dengar berwayar
	Panggilan dalam perkembangan
	Tunda panggilan
	Pembesar Suara Telefon

Ikon	Huraian
	Mikrofon telefon disenyapkan
	Panggilan tidak dijawab
	Bluetooth dihidupkan
	Amaran sistem
	Penggera Ditetapkan
	Mel suara baru
	Pendering disenyapkan
	NFC hidup
	Mod Getar
	Bateri dicas sepenuhnya
	Bateri sedang dicas
	Telefon disambungkan dengan PC melalui kabel USB
	Memuat turun data
	Memuat naik data
	GPS sedang memperoleh


Ikon	Huraian
	Menerima data lokasi dari GPS
	Data sedang menyegerak
	Gmail baru
	Mesej Google Talk baru
	Mesej baru
	Lagu sedang dimainkan
	Radio FM dihidupkan di latar belakang
	Penambatan USB sedang aktif
	Hotspot Wi-Fi mudah alih adalah aktif
	Kedua-dua penambatan USB dan hotspot mudah alih adalah aktif



Papan kekunci atas skrin


Anda juga boleh memasukkan teks menggunakan papan kekunci atas skrin. Papan kekunci atas skrin muncul secara automatik pada skrin apabila anda perlu memasukkan teks. Untuk memaparkan papan kekunci secara manual, hanya


sentuh medan teks di mana anda hendak memasukkan teks.

Menggunakan pad kekunci & memasukkan teks

 Ketik sekali untuk menjadikan huruf seterusnya yang anda taip dalam huruf besar. Ketik dua kali untuk membuatkan semua huruf besar.

  Ketik untuk beralih kepada papan kekunci angka dan simbol. Anda juga boleh menyentuh dan menahan tab ini untuk melihat menu Tetapan.

 Ketik untuk memasukkan ruang.

 Ketik untuk membuat baris baru dalam medan mesej.

 Ketik untuk memadam aksara yang sebelumnya.

Memasukkan huruf aksen

Apabila anda memilih bahasa Perancis atau Sepanyol sebagai bahasa masukan teks, anda boleh memasukkan aksara istimewa Perancis atau Sepanyol (seperti "á").

Sebagai contoh, untuk memasukkan "á", sentuh dan tahan kekunci "a" sehingga kekunci zum masuk menjadi semakin besar dan memaparkan aksara daripada pelbagai bahasa. Lalu pilih aksara khas yang anda kehendaki.

Persediaan akaun Google

Apabila anda menghidupkan telefon anda buat pertama kali, anda mempunyai peluang untuk mengaktifkan rangkaian, mendaftar masuk ke akaun Google anda dan bagaimana anda hendak menggunakan sesetengah perkhidmatan Google.

Untuk menyediakan akaun Google anda:

- Mendaftar masuk ke Akaun Google daripada skrin persediaan yang digesa.

ATAU

- Sentuh  > tab **Apl** > pilih aplikasi Google, seperti **Gmail** > pilih **Baharu** untuk mencipta akaun baru.

Jika anda mempunyai akaun Google, sentuh **Sedia ada**, masukkan alamat e-mel dan kata laluan anda, kemudian sentuh **Log masuk**.

Setelah anda menyediakan akaun Google anda pada telefon anda, telefon anda akan secara automatik menyegerak dengan akaun Google anda di web.

Kenalan anda, mesej Gmail, acara Kalendar, dan maklumat lain daripada aplikasi dan perkhidmatan ini di Web akan disegerakkan dengan telefon anda. (Ini bergantung pada tetapan penyegerakan anda).

Selepas mendaftar masuk, anda boleh menggunakan Gmail™ dan mengambil manfaat daripada perkhidmatan Google pada telefon anda.

Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti

Wi-Fi


Dengan Wi-Fi, anda boleh menggunakan akses Internet kelajuan tinggi dalam liputan titik akses wayarles (AP). Nikmati Internet wayarles menggunakan Wi-Fi, tanpa caj tambahan.

Menyambung ke rangkaian Wi-Fi

Untuk menggunakan Wi-Fi pada telefon anda, anda perlu mengakses pusat akses wayarles atau "hotspot". Sesetengah pusat akses adalah terbuka dan anda hanya perlu menyambung padanya. Yang lain adalah tersembunyi atau menggunakan ciri keselamatan, jadi anda hendaklah mengkonfigurasi telefon anda agar dapat menyambung kepadanya. Matikan Wi-Fi apabila anda tidak menggunakannya, untuk melanjutkan hayat bateri anda.

NOTA: Jika anda di luar zon Wi-Fi atau anda menetapkan Wi-Fi kepada **OFF (MATI)**, caj tambahan akan dikenakan oleh operator mudah alih anda bagi penggunaan data mudah alih.

Menghidupkan Wi-Fi dan menyambung kepada rangkaian Wi-Fi

- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan** > **Wi-Fi** daripada **WAYARLES & RANGKAIAN**
- 2 Tetapkan **Wi-Fi** kepada **ON** untuk hidupkannya dan mula mengimbas untuk rangkaian Wi-Fi yang tersedia.
- 3 Ketik menu Wi-Fi sekali lagi untuk melihat senarai rangkaian Wi-Fi dalam lingkungan dan aktif.
 - Rangkaian selamat ditandakan oleh ikon kunci.
- 4 Sentuh rangkaian untuk menyambung padanya.
 - Jika rangkaian selamat, anda digesa untuk memasukkan kata laluan atau kelayakan lain. (Tanyakan pentadbir rangkaian anda untuk mendapatkan butiran.)
- 5 Selepas bersambung dengan rangkaian Wi-Fi, bar status akan menunjukkan ikon yang memberitahu status Wi-Fi.

Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti


Bluetooth

Anda boleh menggunakan Bluetooth untuk menghantar data dengan menjalankan aplikasi berpadanan, bukan daripada menu Bluetooth seperti mana kebanyakan telefon mudah alih yang lain.

PETUA! Dengan LG-P880, anda boleh menikmati Bluetooth berkelajuan tinggi. Jika peranti yang hendak anda kongsi fail juga menyokong Bluetooth kelajuan tinggi, fail akan dipindahkan secara automatik melalui rangkaian kelajuan tinggi. Untuk menggunakan pemindahan data Bluetooth kelajuan tinggi, sila pastikan Wi-Fi adalah OFF pada peranti anda sebelum digunakan. Tetapan bagi Bluetooth kelajuan tinggi mungkin berbeza bergantung pada peranti. Sila semak tetapan peranti dengan penyedia perkhidmatannya.

Menghidupkan Bluetooth dan memperpasangkan telefon anda dengan peranti Bluetooth

Anda hendaklah memasang peranti anda dengan peranti lain sebelum anda menyambung padanya.

- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan** > Tetapkan **Bluetooth** kepada **ON** daripada **WAYARLES & RANGKAIAN**
- 2 Ketik menu **Bluetooth** sekali lagi. Telefon anda akan mengimbas dan memaparkan ID semua peranti Bluetooth yang ada dalam lingkungan. Jika peranti yang hendak anda perpasang tidak terdapat pada senarai, pastikan peranti sasaran telah ditetapkan kepada boleh temu, kemudian ketik **Mencari peranti** sekali lagi.
- 3 Pilih peranti yang hendak anda perpasang daripada senarai.

Setelah perpasangan berjaya, peranti anda akan menyambung kepada peranti.

Menghantar gambar menggunakan Bluetooth

- 1 Pilih **Gambar** >  > **Bluetooth**
- 2 Periksa sama ada **Bluetooth** dalam keadaan **ON**, lalu pilih **Mencari peranti**.

3 Pilih daripada senarai peranti mana yang hendak anda hantar data.

Berkongsi sambungan data telefon anda

Pertambatan USB & hotspot Wi-Fi Mudah Alih adalah ciri-ciri yang hebat apabila tidak terdapat sambungan wayarles. Anda dapat berkongsi sambungan data mudah alih telefon anda dengan satu komputer sahaja melalui kabel USB (penambatan USB). Anda juga boleh berkongsi sambungan data mudah alih telefon anda dengan lebih daripada satu peranti sekali gus, dengan menjadikan telefon anda hotspot Wi-Fi mudah alih.

Apabila telefon anda berkongsi sambungan datanya, suatu ikon akan muncul dalam bar status dan sebagai pemberitahuan berterusan dalam pelukis pemberitahuan.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai penambatan dan hotspot mudah alih, termasuk sistem pengendalian yang disokong dan butiran lain, layari <http://www.android.com/tether>.

Untuk menukar tetapan hotspot Wi-Fi Mudah alih:

- Sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan** > **Lagi** daripada **WAYARLES & RANGKAIAN** > **Hotspot Mudah Alih Wi-Fi** > Pilih pilihan yang hendak anda laraskan


PETUA!

Jika komputer anda menjalankan Windows 7 atau edaran baru beberapa jenis Linux (seperti Ubuntu), anda biasanya tidak perlu menyediakan komputer anda untuk penambatan. Tetapi jika anda menjalankan versi Windows yang lebih awal atau sistem pengendalian yang lain, anda mungkin perlu menyediakan komputer anda untuk memulakan sambungan rangkaian melalui USB. Untuk maklumat terkini tentang sistem pengendalian mana yang menyokong penambatan USB dan cara menyediakan konfigurasinya, layari <http://www.android.com/tether>.

Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti

Untuk menamakan semula atau menjamin keselamatan hotspot mudah alih anda

Anda boleh menukar nama rangkaian Wi-Fi telefon anda (SSID) dan melindungi keselamatan rangkaian Wi-Finya.

- 1 Pada skrin Utama, sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan**
- 2 Sentuh **Lagi** daripada **WAYARLES & RANGKAIAN** dan pilih **Hotspot Mudah Alih Wi-Fi**.

3 Pastikan **Hotspot Mudah Alih Wi-Fi** ditandai.

4 Sentuh **Konfigurasi hotspot Wi-Fi**.

- Kotak dialog **Konfigurasi hotspot Wi-Fi** akan terbuka.
- Anda boleh menukar SSID (nama) rangkaian yang dilihat oleh komputer lain apabila mengimbas untuk mencari rangkaian Wi-Fi.
- Anda juga boleh menyentuh menu **Keselamatan** untuk mengkonfigurasi rangkaian dengan keselamatan Akses Dilindungi Wi-Fi 2 (WPA2) dengan kunci yang diprakongsi (PSK).
- Jika anda menyentuh pilihan keselamatan **WPA2 PSK**, medan kata laluan akan ditambah kepada dialog

Konfigurasi hotspot Wi-Fi. Jika anda memasukkan kata laluan, anda akan perlu memasukkan kata laluan tersebut apabila anda menyambung kepada hotspot telefon dengan komputer atau peranti lain. Anda boleh set **Buka** pada menu **Keselamatan** untuk mengalih keluar ciri keselamatan daripada rangkaian Wi-Fi anda.

5 Sentuh **Simpan**.

PERHATIAN!



Jika anda menetapkan pilihan keselamatan sebagai **Buka**, anda tidak akan dapat menghalang penggunaan perkhidmatan dalam talian yang tidak sah oleh orang lain dan caj tambahan mungkin akan dikenakan. Untuk mengelakkan penggunaan tak sah, anda dinasihatkan agar pilihan keselamatan ini kekal aktif.

Menggunakan SmartShare

SmartShare menggunakan teknologi DLNA (Digital Living Network Alliance) untuk berkongsi kandungan digital melalui rangkaian Wi-Fi.

Kedua-dua peranti hendaklah diperakui DLNA untuk menyokong ciri ini.

Untuk menghidupkan SmartShare dan membolehkan berkongsi kandungan.

- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **SmartShare**
- 2 Tekan  dan pilih **Tetapan**.
- 3 Sentuh kotak semak Boleh ditemui untuk menghidupkannya.
- Sentuh **Sentiasa terima permintaan** jika anda hendak menerima permintaan berkongsi daripada peranti lain secara automatik.
- Sentuh **Terima fail** jika anda hendak secara automatik membenarkan muat naik fail ke telefon saya dari peranti-peranti lain.
- 4 Di bawah bahagian Sharing contents (Berkongsi isi kandungan), sentuh untuk menandai jenis isi kandungan yang hendak anda kongsi. Pilih antara **Gambar**, **Video** dan **Muzik**.
- 5 **SmartShare** kini telah diaktifkan dan sedia untuk berkongsi kandungan.

Untuk berkongsi kandungan daripada pustaka kandungan jauh kepada peranti-peranti lain.


Biarkan peranti penyampai anda (seperti TV) memainkan kandungan multimedia daripada pustaka kandungan jauh (seperti PC).

NOTA: Pastikan kefungsiian DLNA peranti anda telah dikonfigurasi dengan betul (seperti TV dan PC).

- 1 Sentuh butang atas kanan untuk memilih peranti daripada senarai penyampai.
- 2 Sentuh butang atas kiri dan pilih peranti pustaka kandungan jauh.
- 3 Anda boleh menyemak imbas pustaka kandungan.
- 4 Sentuh lakaran kecil kandungan atau tekan kekunci **Menu** dan pilih butang **Main**.

Untuk berkongsi kandungan telefon anda kepada peranti penyampai anda (seperti TV)

NOTA: Pastikan peranti penyampai anda dikonfigurasi dengan betul.

- 1 Semasa menyemak imbas gambar atau video anda menggunakan aplikasi **Galeri**, sentuh  untuk memilih fail. Kemudian anda dapat memilih berbilang fail untuk dikongsi.
- 2 Sentuh **Kongsi** pada menu dan pilih **SmartShare**.
- 3 **SmartShare** dilancarkan secara automatik dengan fail-fail yang dipilih.


Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti

- 4 Pilih peranti daripada senarai penyampai untuk memainkan fail.

NOTA: Ikuti langkah yang sama untuk menggunakan Pemain Muzik, Kamera dan Pemain Video untuk berkongsi kandungan.

Notis: Pastikan bahawa peranti anda bersambung dengan rangkaian rumah anda menggunakan sambungan Wi-Fi untuk menggunakan aplikasi ini. Beberapa peranti berdaya DLNA (seperti TV) hanya menyokong ciri DMP pada DLNA dan tidak akan dilihat dalam senarai peranti penyampai. Peranti anda mungkin tidak akan dapat memainkan beberapa jenis kandungan.


Untuk memuat turun kandungan daripada pustaka kandungan jauh.

- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **SmartShare**
- 2 Sentuh butang atas kiri dan pilih peranti pustaka kandungan jauh.
- 3 Anda boleh menyemak imbas pustaka kandungan.
- 4 Sentuh dan tahan imej kecil kandungan lalu sentuh **kekunci Menu Muat turun**.

Notis: Sesetengah jenis kandungan tidak disokong.

Untuk memuat naik kandungan daripada telefon saya ke pustaka kandungan jauh.





NOTA: Pastikan kad SD dilekap dengan betul dan Terima fail dalam menu tetapan telah ditandai.


- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **SmartShare**
- 2 Sentuh butang atas kiri dan pilih Telefon saya.
- 3 Anda boleh menyemak imbas pustaka kandungan.
- 4 Sentuh dan tahan imej kecil kandungan dan kemudian sentuh **kekunci Muat naik menu**.
- 5 Pilih peranti dengan pustaka kandungan jauh untuk dimuat naik.

Notis: Sesetengah peranti berdaya DLNA tidak menyokong kefungsiian muat naik DMS dan tidak akan dimuat naik. Sesetengah jenis kandungan tidak disokong.


Panggilan

Membuat panggilan



- 1 Sentuh  untuk membuka pad kekunci.
- 2 Masukkan nombor menggunakan pad kekunci. Untuk memadam satu digit, sentuh .
- 3 Sentuh  untuk membuat panggilan.
- 4 Untuk menamatkan panggilan, sentuh ikon **Tamat** .

PETUA! Untuk memasukkan “+” ketika membuat panggilan antarabangsa, sentuh dan tahan .

Membuat panggilan kepada kenalan anda

- 1 Sentuh  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Tatal menerusi senarai kenalan atau masukkan huruf pertama kenalan yang hendak anda panggil dengan menyentuh **Cari kenalan**.
- 3 Dalam senarai, sentuh kenalan yang hendak anda telefon.

Menjawab dan Menolak Panggilan


Apabila anda menerima panggilan dalam keadaan Dikunci, tahan dan luncurkan  untuk Menjawab panggilan masuk. Tahan dan luncurkan  untuk Menolak panggilan masuk. Tahan dan luncurkan ikon **Msj cepat** daripada bahagian bawah jika anda ingin menghantar mesej.

PETUA! Tolak dengan mesej
Anda boleh menghantar mesej dengan cepat menggunakan fungsi ini. Ini berguna jika anda perlu menolak panggilan dengan mesej semasa mesyuarat.





Melaraskan volum panggilan

Untuk melaraskan volum dalam panggilan, gunakan kekunci Volum naik dan turun pada sisi kiri telefon.

Membuat panggilan kedua

- 1 Semasa panggilan pertama anda, sentuh **Menu** > **Tambah panggilan** dan dail nombor tersebut. Anda juga boleh pergi ke senarai panggilan terkini dengan menyentuh  atau anda boleh mencari kenalan dengan

Panggilan

- menyentuh  dan memilih nombor yang hendak anda panggil.
- 2 Tekan  untuk membuat panggilan.
 - 3 Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggilan. Panggilan pertama anda akan dikunci dan ditunda.
 - 4 Sentuh senarai panggilan ditahan untuk beralih antara panggilan. Atau sentuh  **Gabungkan panggilan** untuk membuat panggilan persidangan.
 - 5 Untuk menamatkan panggilan aktif, sentuh **Tamat** atau tekan kekunci Rumah dan luncurkan bar pemberitahuan ke bawah dan pilih ikon **Tamat Panggilan** .


NOTA: Anda akan dikenakan bayaran bagi setiap panggilan yang anda buat.

PETUA! Sentuh mana-mana entri log untuk melihat tarikh, masa dan tempoh panggilan.

PETUA! Tekan kekunci **Menu**, lalu sentuh **Padam semua** untuk memadamkan semua item yang direkodkan.

Tetapan panggilan

Anda akan dapat mengkonfigurasi tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, dan ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.

- 1 Pada skrin utama, sentuh .
- 2 **Menu** sentuh.
- 3 Ketik **Tetapan panggilan** dan pilih pilihan yang hendak anda laraskan.

Melihat log panggilan anda

Pada skrin utama, sentuh  dan pilih tab **Log panggilan** .


Lihat senarai lengkap bagi semua panggilan didail, diterima dan tidak dijawab.

Kenalan

Anda akan dapat menambah kenalan pada telefon anda dan menyegerakkannya dengan kenalan dalam Akaun Google anda atau akaun lain yang menyokong penyegerakan kenalan.

Mencari Kenalan

Pada skrin utama

- 1 Sentuh  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Sentuh **Cari kenalan** dan masukkan nama kenalan menggunakan papan kekunci.


Tambah Kenalan Baru

- 1 Sentuh , masukkan nombor telefon kenalan baru, dan kemudian tekan kekunci **Menu**. Sentuh **Tambah ke kenalan > Wujudkan kenalan baru**.
- 2 Jika anda hendak menambah gambar pada kenalan baru, sentuh kawasan imej.
Pilih daripada **Ambil gambar** atau **Pilih dari galeri**.
- 3 Pilih jenis kenalan dengan menyentuh .
- 4 Sentuh kategori maklumat kenalan dan masukkan butiran mengenai kenalan anda.
- 5 Sentuh **Simpan**.



Kenalan yang digemari

Anda boleh mengelaskan kenalan yang kerap dipanggil sebagai kegemaran.

Menambah kenalan pada kegemaran anda

- 1 Sentuh  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Sentuh kenalan untuk melihat butirannya.
- 3 Sentuh bintang di sebelah kanan nama kenalan. Bintang bertukar menjadi berwarna-warni.

Untuk mengeluarkan kenalan daripada senarai kegemaran anda

- 1 Sentuh  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Sentuh tab , pilih **Kegemaran** di bahagian atas senarai dan pilih kenalan untuk melihat butirannya.
- 3 Sentuh bintang berwarna-warni di sebelah kanan nama kenalan. Bintang bertukar kelabu dan kenalan ini akan dikeluarkan daripada kegemaran anda.

Kenalan

Memindahkan kenalan dari Peranti Lama anda ke Peranti Baru anda.

Eksport kenalan anda sebagai fail CSV dari peranti lama anda ke PC anda menggunakan program penyegerakan PC.



- 1 Pasang "LG PC Suite" pada PC dahulu. Jalankan program ini dan sambungkan telefon mudah alih Android anda kepada PC menggunakan kabel USB.
- 2 Pada menu atas, pilih **Peranti > Import ke peranti > Import kenalan**.
- 3 Tetingkap pop timbul untuk memilih jenis fail dan fail yang hendak diimport akan muncul.
- 4 Pada pop timbul, klik **Pilih fail** dan Windows Explorer akan muncul.
- 5 Pilih fail kenalan untuk mengimport dalam Windows Explorer dan klik **Buka**.
- 6 Klik **OK**.
- 7 Pop timbul **Pemetaan medan** untuk mengaitkan kenalan dalam peranti anda dan data kenalan baru akan muncul.

- 8 Jika terdapat konflik antara data dalam kenalan PC anda dan kenalan peranti, buat pilihan atau perubahan dalam LG PC Suite.
- 9 Klik **OK**.


Mesej

LG-P880 anda menggabungkan SMS dan MMS menjadi satu menu intuitif yang mudah digunakan.

Menghantar mesej

- 1 Sentuh  pada skrin utama, dan sentuh  untuk membuka mesej kosong.
- 2 Masukkan nama kenalan atau nombor panggilan dalam medan **Hingga**. Sambil anda memasukkan nama kenalan, kenalan yang sepadan akan muncul. Anda boleh menyentuh penerima yang dicadangkan. Anda boleh menambah berbilang kenalan.

NOTA: Anda akan dikenakan caj bagi setiap orang yang dihantar mesej teks tersebut.

- 3 Sentuh medan Tulis Mesej dan mula mengubah mesej anda.
- 4 Sentuh  untuk membuka menu Pilihan. Pilih antara **Tambahkan subjek, Mesej segera, Memasukkan senyuman, dan Buang**.
- 5 Sentuh **Hantar** untuk menghantar mesej anda.
- 6 Skrin mesej terbuka, dengan mesej anda terletak selepas Recipient Name/ Number (Nama/Nombor Penerima).

Maklum balas muncul pada skrin. Semasa anda melihat dan menghantar mesej tambahan, urutan mesej akan diwujudkan.

⚠️ AMARAN: Had 160 aksara mungkin berbeza dari negara ke negara bergantung pada bahasa dan cara SMS dikodkan.

⚠️ AMARAN: Jika fail imej, video, atau audio ditambah pada mesej SMS, ia akan secara automatik ditukar menjadi mesej MMS, dan akan dikenakan bayaran sewajarnya.

Peti teruntai

Mesej (SMS, MMS) yang ditukar dengan pihak lain boleh dipaparkan dalam turutan kronologi agar anda boleh melihat gambaran keseluruhan perbualan anda dengan mudah.

Menukar tetapan mesej anda

Tetapan mesej LG-P880 anda telah dipratarifkan, agar anda dapat menghantar mesej dengan serta-merta. Anda boleh menukar tetapan berdasarkan keutamaan anda.

E-mel

Anda boleh menggunakan aplikasi E-mel untuk membaca e-mel daripada perkhidmatan selain daripada Gmail. Aplikasi E-mel menyokong jenis akaun berikut: POP3, IMAP dan Exchange. Penyedia perkhidmatan atau pentadbir sistem anda akan dapat menyediakan tetapan akaun yang anda perlukan.

Menguruskan akaun e-mel

Kali pertama anda membuka aplikasi **E-mel**, wizard persediaan akan terbuka untuk membantu anda menyediakan akaun e-mel.

Untuk menambah satu lagi akaun e-mel:



- Sentuh  > tab **Apl** > **E-mel** > dalam skrin akaun, sentuh  > **Tambah akaun**

Selepas persediaan awal, Email akan memaparkan kandungan peti masuk anda. Jika anda telah menambah lebih daripada satu akaun, anda akan dapat beralih dari akaun ke akaun.

Untuk menukar tetapan akaun e-mel:

- Sentuh  > tab **Apl** > **E-mel** > dalam skrin akaun, sentuh  > **Seluruh tetapan**

Untuk memadamkan akaun e-mel:



- Sentuh  > tab **Apl** > **E-mel** > dalam skrin akaun, sentuh  > **Alih Keluarkan akaun** > sentuh akaun yang hendak anda padamkan > **Padam**

Menggunakan folder akaun

Setiap akaun mempunyai folder Inbox, Peti keluar, Dihantar dan Draf. Bergantung pada ciri-ciri yang disokong oleh penyedia perkhidmatan akaun anda, anda boleh mempunyai folder tambahan.

Mengarang dan menghantar e-mel

Untuk mengubah dan menghantar mesej

- 1 Semasa dalam aplikasi **E-mel**, sentuh .
- 2 Masukkan alamat penerima mesej. Sambil anda memasukkan teks, alamat sepadan akan ditawarkan daripada Kenalan anda. Pisahkan alamat berbilang dengan tanda koma.
- 3 Tambah Cc/Bcc (Sk/Skt) dan tambah fail lampiran jika perlu.
- 4 Masukkan teks bagi mesej.
- 5 Sentuh .
Jika anda tidak disambungkan kepada rangkaian, contohnya, jika anda


dalam mod pesawat, mesej yang anda hantar akan disimpan dalam folder Peti keluar anda sehingga anda disambung semula kepada rangkaian. Jika ia mengandungi sebarang mesej yang belum dihantar, Peti keluar akan dipaparkan pada skrin Akaun.

PETUA! PETUA Apabila e-mel baru sampai ke dalam peti masuk, anda akan menerima pemberitahuan bunyi atau getaran. Ketik pemberitahuan e-mel tersebut untuk menghentikan pemberitahuan.

Kamera

Untuk membuka aplikasi Kamera, ketik **Kamera**  pada Skrin utama.


Mengenali pencari pandangan














- 1 Tukar kamera** – Tukar antara lensa kamera menghadap belakang dan lensa kamera menghadap hadapan.
- 2 Pengatup keju** – Untuk mengambil gambar, sebut salah satu perkataan berikut: Cheese, Smile, Whisky, Kimchi atau LG.
- 3 Syot tangkapan masa** – Sentuh ikon ini untuk menangkap saat yang hilang sebelum menekan pengatup.
- 4 Mod tangkapan** – Pilih dari tangkapan **Normal**, **HDR**, **Panorama** atau **Syot sambungan**.
- 5 Tetapan** – Sentuh ikon ini untuk membuka menu tetapan. Lihat **Menggunakan tetapan lanjutan**.
- 6 Mod video** – Sentuh ikon ini untuk menukar kepada mod video.
- 7 Mengambil foto**
- 8 Galeri** – Sentuh untuk melihat foto terakhir yang anda tangkap. Ini membolehkan anda mengakses galeri anda dan melihat foto yang disimpan dari dalam mod kamera.

NOTA: Sila pastikan kanta kamera dalam keadaan bersih sebelum mengambil gambar.

Menggunakan tetapan lanjutan

Menggunakan pencari pandangan, ketik  untuk membuka pilihan lanjutan. Anda boleh menukar tetapan kamera dengan menatal melalui senarai ini. Selepas memilih pilihan, ketik kekunci **Kembali**.

	Sentuh jika anda ingin mengubah menu pemidang tilik.
	Membolehkan anda menghidupkan denyar apabila mengambil gambar di tempat gelap.
	Zum masuk atau zum keluar.
	Menentukan dan mengawal jumlah cahaya matahari yang memasuki gambar.
	Memfokus pada titik tertentu.
	Memilih resolusi foto. Jika anda memilih resolusi tinggi, saiz fail akan bertambah, yang akibatnya kurang bilangan gambar yang dapat disimpan dalam memori.

	Mencari tetapan warna dan lampu yang sesuai dengan persekitaran semasa.
	Pengadaran ISO menentukan kepekaan sensor cahaya kamera. Semakin tinggi ISO, semakin sensitif kamera itu. Ini berguna dalam keadaan lebih gelap apabila anda tidak dapat menggunakan denyar.
	Memperbaiki kualiti warna dalam keadaan pencahayaan yang berbeza.
	Memberi kesan artistik kepada gambar anda.
	Menetapkan masa tunda selepas butang tangkap ditekan. Ini sangat sesuai jika anda juga mahu bergambar sama.



Aktifkan ini untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi telefon anda. Ambil gambar di mana sahaja anda berada dan tag ia bersama lokasi. Jika anda memuat naikkan gambar yang ditag pada blog yang menyokong geo-tag, anda boleh melihat gambar tersebut dipaparkan pada peta.

NOTA: Fungsi ini hanya tersedia apabila fungsi GPS aktif.



Memilih bunyi pengatup.



Secara automatik ia akan menunjukkan gambar yang baru anda ambil.



Pilih storan untuk tempat menyimpan foto.



Kembalikan semua tetapan nilai lalai kamera.



Sentuh pada bila-bila masa anda ingin tahu bagaimana suatu fungsi itu beroperasi. Ikon ini menyediakan panduan ringkas untuk anda.

PETUA!

- Apabila anda keluar dari kamera, beberapa tetapan akan kembali kepada nilai lalainya, sepertiimbangan putih, kesan warna, pemasa dan mod adegan. Periksa yang berikut ini sebelum mengambil foto anda yang seterusnya.
- Menu tetapan bertindan dengan pencari pandangan, jadi apabila anda menukar elemen warna imej atau kualiti, anda akan dapat melihat pratonton pertukaran imej di belakang menu Tetapan.


Menangkap fotopantas

- 1 Buka aplikasi **Kamera**.
- 2 Dengan memegang telefon secara mendatar, halakan lensa ke arah subjek yang hendak anda ambil gambarnya.
- 3 Kotak fokus akan muncul di tengah skrin pencari pandangan. Anda juga boleh mengetik di mana-mana bahagian pada skrin untuk memfokus titik itu.
- 4 Apabila peti fokus bertukar menjadi hijau, kamera telah memfokus pada subjek anda.

5 Sentuh  untuk menangkap gambar.

Setelah anda mengambil gambar

Foto yang telah anda ambil akan muncul pada skrin jika Auto semakan ditetapkan kepada On (rujuk Menggunakan tetapan lanjutan.)

Sentuh  untuk melihat foto terakhir yang anda tangkap.

	Sentuh untuk berkongsi foto anda menggunakan fungsi SmartShare .
	Sentuh untuk terus mengambil foto lain.
	Sentuh untuk menghantar foto anda kepada orang lain atau berkongsinya melalui perkhidmatan rangkaian sosial.
	Tekan untuk memadamkan gambar.

PETUA! Jika anda mempunyai akaun SNS dan menetakannya pada telefon anda, anda boleh berkongsi foto anda dengan komuniti SNS anda.

NOTA: Caj tambahan mungkin akan dikenakan semasa mesej MMS dimuat turun ketika dalam perayauan.

Sentuh kekunci Menu  untuk membuka semua pilihan lanjutan.

Tetapkan imej sebagai – Sentuh untuk menggunakan foto sebagai **foto kenalan**, **Hias latar skrin utama** atau **Kertas hias dinding skrin kunci**.

Pindah – Sentuh untuk memindahkan foto ke tempat lain.

Salin – Sentuh untuk menyalin foto yang dipilih dan simpan ke dalam album lain.

Namakan semula – Sentuh untuk mengedit nama gambar yang dipilih.

Putar Kiri/Kanan – Untuk memutar ke kiri atau kanan.

Kerat – Pangkas foto anda. Gerakkan jari anda merentasi skrin untuk memilih kawasan yang hendak dipangkas.

Edit – Lihat dan edit foto.

Pertunjukan slaid – Menunjukkan kepada anda imej dalam folder semasa satu per satu secara automatik.

Butiran – Dapatkan maklumat lanjut mengenai kandungan.


Melihat foto yang disimpan

Anda boleh mengakses foto yang disimpan apabila dalam mod kamera. Hanya ketik ikon Galeri  dan Galeri anda akan dipaparkan.

- Untuk melihat lebih banyak foto, tatal ke kiri atau ke kanan.
- Untuk zum masuk atau keluar, dwi-ketik skrin atau gunakan dua jari dan jarakkannya (rapatkan jari anda untuk zum keluar).

Kamera video

Mengenalinya pencari pandangan












- 1 Tukar kamera** – Tukar antara lensa kamera menghadap belakang dan lensa kamera menghadap hadapan.
- 2 Saiz video** – Sentuh untuk menetapkan saiz (di dalam piksel) video yang sedang anda rakam.
- 3 Kesan Langsung** – kesan langsung menyediakan pelbagai kesan visual apabila merakam video.
- 4 Denyar** – Membolehkan anda menghidupkan denyar apabila mengambil gambar di tempat gelap.
- 5 Tetapan** – Sentuh ikon ini untuk membuka menu tetapan.
- 6 Mod kamera** – Sentuh ikon ini untuk menukar kepada mod kamera.
- 7 Mula merakam**
- 8 Galeri** – sentuh untuk melihat video terakhir yang anda rakamkan. Ini membolehkan anda mengakses galeri anda dan melihat foto yang disimpan semasa dalam mod kamera.




PETUA! Semasa membuat rakaman video, letakkan dua jari pada skrin dan cubit untuk menggunakan fungsi Zoom.

Kamera video


Menggunakan tetapan lanjutan

Menggunakan pencari pandangan, sentuh  untuk membuka semua pilihan lanjutan.

	Sentuh jika anda ingin mengubah menu pematik tilik.
	Zum masuk atau zum keluar.
	Menentukan dan mengawal jumlah cahaya matahari yang memasuki video.
	Memperbaiki kualiti warna dalam keadaan pencahayaan yang berbeza.
	Pilih nada warna yang hendak digunakan bagi paparan baru anda.
	Aktifkan yang ini untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi telefon anda.
	Pilih Mati untuk merakam video tanpa bunyi.
	Auto semak secara automatik akan menunjukkan kepada anda video yang baru anda rakam.


	Pilih storan tempat menyimpan video.
	Kembalikan semua tetapan lalai kamera video.
	Sentuh pada bila-bila masa anda ingin tahu bagaimana fungsi ini beroperasi. Ikon ini menyediakan panduan ringkas untuk anda.

Merakam video pantas

- 1 Buka aplikasi **Kamera** dan sentuh butang **Mod video**.
- 2 Pencari pandangan kamera video akan muncul pada skrin.
- 3 Dengan memegang telefon, halakan kanta ke arah subjek yang hendak anda tangkap dalam video anda.
- 4 Sentuh  sekali untuk memulakan rakaman.
- 5 Lampu merah akan muncul di sudut atas kiri pencari pandangan dengan pemas menunjukkan tempoh video.
- 6 Sentuh  pada skrin untuk berhenti merakam.

Selepas merakam video


Imej pegun mewakili video anda akan muncul pada skrin jika Auto semakan ditetapkan kepada On.

Sentuh  untuk melihat video terakhir yang anda rakamkan.

	Sentuh untuk berkongsi video anda menggunakan fungsi SmartShare .
	Sentuh untuk merakam video yang lain dengan serta-merta.
	Sentuh untuk menghantar video anda kepada orang lain atau berkongsinya melalui perkhidmatan rangkaian sosial.
	Tekan untuk memadamkan gambar.

NOTA: Caj tambahan mungkin akan dikenakan semasa mesej MMS dimuat turun ketika dalam perayauan.

Melihat video anda yang disimpan

- 1 Dalam pencari pandangan, ketik .
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Ketik video untuk memainkannya secara automatik.


Melaraskan volum semasa melihat video

Untuk melaraskan volum video semasa ia sedang dimainkan, gunakan kekunci volum pada sisi kiri telefon.


Multimedia






Anda boleh menyimpan fail multimedia pada kad memori supaya anda mempunyai akses mudah kepada semua fail multimedia anda.






Pemain Video

LG-P880 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua video kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, Sentuh  > tab **Apl** > **Pemain video**.

Memainkan video

- 1 Dalam skrin utama, sentuh  > tab **Apl** > **Pemain video**.
- 2 Pilih video yang anda mahu mainkan.

	Sentuh untuk jeda main semula video.
	Sentuh untuk sambung main semula video.
	Sentuh untuk pergi 10 saat ke depan.
	Sentuh untuk pergi 10 saat ke belakang.
	Sentuh untuk mengurus volum video.

	Sentuh untuk tetapkan kesan audio Dolby apabila disambungkan dengan bicu alat dengar.
	Sentuh ikon Pengawal kelajuan dan seret bar perkembangan untuk mengawal kelajuan main semula.
	Sentuh ikon Pratonton bingkai dan seret pengendali bar carian untuk meneroka kandungan dengan skrin pratonton.
	Sentuh untuk mengunci skrin video.
	Sentuh ikon senarai terus untuk melihat senarai video.


Untuk menukar volum semasa menonton video, tekan kekunci volum ke atas dan bawah pada sisi kiri telefon.

Sentuh dan tahan sebarang lagu di dalam senarai. Ia memaparkan **Padam** dan **Butiran** sebagai pilihan.

Galeri

Sentuh  > tab **Apl** > **Galeri** Buka senarai bar katalog yang menyimpan semua fail multimedia anda.


Muzik

LG-P880 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua trek kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, Sentuh  > tab **Apl** > **Muzik**.

Pindahkan fail menggunakan Penyegerakan media (MTP)

- 1 Sambung LG-P880 kepada PC menggunakan kabel USB.
- 2 Jika anda belum memasang Pemacu Platform Android LG pada PC anda, anda akan dikehendaki menukar tetapan secara manual. Pilih **Tetapan** > **Sambungan PC** > **USB Jenis sambungan**, kemudian pilih **Penyegerakan media (MTP)**.
- 3 Anda boleh melihat kandungan penyimpanan massa pada PC anda dan pindahkan fail tersebut.

Memainkan lagu

- 1 Dalam skrin utama, sentuh  > tab **Apl** > **Muzik**.
- 2 Sentuh **Lagu**.
- 3 Pilih lagu yang anda mahu mainkan.



Sentuh untuk mencari fail dengan YouTube.



Sentuh untuk berkongsi muzik anda melalui fungsi SmartShare.



Sentuh untuk menetapkan mod kocokan



Sentuh untuk menetapkan mod ulangan



Sentuh untuk menguruskan volumn muzik



Sentuh untuk menjeda main balik



Sentuh untuk menyambung semula main balik



Sentuh untuk melangkaui ke lagu seterusnya dalam album atau senarai main



Sentuh untuk kembali ke permulaan lagu. Sentuh dua kali untuk kembali ke lagu sebelumnya



Sentuh untuk menetapkan lagu kegemaran



Sentuh untuk melihat senarai main semasa



Sentuh untuk menetapkan kesan audio Dolby semasa disambungkan dengan bicu fon kepala

Untuk menukar volum semasa mendengar muzik, tekan kekunci volum ke atas dan bawah pada sisi kiri telefon.

Sentuh dan tahan sebarang lagu di dalam senarai. Pilih **Main**, **Tambah pada senarai main**, **Kongsi**, **Setkan sebagai nada dering**, **Padam**, **Butiran** dan **Cari** akan dipaparkan.

NOTA: Hak cipta fail muzik mungkin dilindungi oleh perjanjian antarabangsa dan undang-undang hak cipta nasional.

Oleh itu, kebenaran atau lesen mungkin perlu diperoleh untuk mengeluarkan semula atau menyalin muzik.

Dalam sesetengah negara, undang-undang nasionalnya melarang penyalinan peribadi bahan berhak cipta. Sebelum memuat turun atau menyalin fail, semak undang-undang nasional negara yang berkenaan mengenai penggunaan bahan sedemikian.

Radio FM

LG-P880 anda mempunyai Radio FM terbina dalam agar anda boleh mendapatkan stesen kegemaran anda dan mendengarnya dalam perjalanan.

NOTA: Anda perlu memasukkan fon kepala anda untuk mendengar radio. Masukkannya ke dalam bicu alat fon kepala.

Mencari stesen

Anda boleh menala telefon anda ke stesen radio dengan mencari secara manual atau automatik. Ia kemudiannya akan disimpan ke dalam nombor saluran khusus.

Menala secara automatik.

- 1 Dalam skrin utama, sentuh  > tab **ApI** > **Radio FM**.
- 2 Sentuh , kemudian pilih **Batal**.
- 3 Semasa mengimbas auto, sentuh **Henti** jika anda hendak berhenti mengimbas. Hanya saluran yang diimbas yang akan disimpan sebelum anda berhenti mengimbas.

NOTA: Anda boleh juga menala secara manual stesen menggunakan roda pada skrin.

PETUA! Untuk meningkatkan penerimaan radio, panjangkan kord fon kepala yang juga berfungsi sebagai antena radio.

Jika anda menyambung fon kepala yang tidak dibuat khusus untuk penerimaan radio, penerimaan radio mungkin tidak begitu baik.

LG SmartWorld


LG SmartWorld menawarkan pelbagai kandungan menarik - permainan, aplikasi, kertas dinding dan nada dering - yang memberi pengguna telefon LG peluang untuk menikmati pengalaman "Kehidupan Mudah Alih" yang lebih kaya.

Bagaimana untuk Pergi ke LG SmartWorld daripada Telefon Anda

- 1 Ketik ikon  untuk mengakses LG SmartWorld .
- 2 Ketik Log masuk dan masukkan ID/Kata Laluan untuk LG SmartWorld. Jika anda belum lagi mendaftar, ketik Daftar dan dapatkan keahlian LG SmartWorld.
- 3 Muat turun kandungan yang anda kehendaki.

NOTA: Bagaimana jika tiada ikon



- 1 Dengan menggunakan penyemak imbas mudah alih Web, akses LG SmartWorld (www.lgworld.com) dan pilih negara anda.
- 2 Muat turun Aplikasi LG SmartWorld.
- 3 Laksanakan dan pasang fail yang dimuat turun.
- 4 Akses LG SmartWorld dengan mengetik ikon .

Bagaimana untuk menggunakan LG SmartWorld

- Ambil bahagian dalam promosi bulanan LG SmartWorld.
- Cuba butang "Menu" yang mudah untuk mendapatkan apa yang anda cari dengan pantas.

Kategori: Cari kandungan mengikut kategori (seperti Pendidikan, Hiburan, Permainan, dsb).

Cari – Cari Kandungan.

Aplikasi untuk anda – Kandungan yang disyorkan berdasarkan pilihan anda yang terdahulu.

Apl saya – Senarai kandungan dimuat turun/akan dikemas kini.



Tetapan – Menetapkan Profil dan Paparan.

Rakam masuk – Menetapkan ID dan Kata laluan anda.



- Cuba fungsi lain yang juga berguna.
(Skrin Butiran Kandungan)

NOTA: LG SmartWorld mungkin tidak tersedia dalam semua perkhidmatan pembawa atau negara.

Menetapkan penggera anda

- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **Penggera / Clock** > 
- 2 Selepas anda menetapkan masa, LG-P880 akan memberitahu anda baki masa yang tinggal sebelum penggera berbunyi.
- 3 Tetapkan **Ulang, Tempoh tunda, Getaran, Nada penggera, Volum penggera, Pemula Aplikasi Auto, Kunci teka-teki dan Memo**. Sentuh **Simpan**.

Menggunakan kalkulator anda

- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **Kalkulator**
- 2 Sentuh kekunci nombor untuk memasukkan nombor.
- 3 Untuk pengiraan mudah, sentuh fungsi yang anda kehendaki (+, -, x, atau ÷), diikuti dengan =.
- 4 Bagi pengiraan yang lebih rumit, sentuh , pilih **Panel lanjutan**, kemudian pilih sin, cos, tan, log dan lain-lain.





Menambah acara pada kalendar anda


- 1 Sentuh  > tab **Apl** > **Kalendar**
- 2 Di bahagian tengah skrin, anda dapat mencari jenis paparan Kalendar yang berbeza (Hari, Minggu, Agenda).
- 3 Ketik pada tarikh yang anda hendak tambahkan acara dan sentuh. 
- 4 Sentuh **Nama acara** dan kemudian masukkan nama acara tersebut.
- 5 Sentuh **Lokasi** dan masukkan lokasi. Tandai tarikh dan masukkan masa mula dan tamat acara.
- 6 Jika anda hendak menambah nota pada acara anda, sentuh **Deskripsi** dan masukkan butirannya.
- 7 Jika anda ingin mengulang semula penggera, tetapkan **ULANG**, dan tetapkan **PERINGATAN**, jika perlu.
- 8 Sentuh **Simpan** untuk menyimpan acara dalam kalendar.

Perakam suara

Gunakan perakam suara untuk merakamkan memo suara atau fail audio yang lain.

Merakam bunyi atau suara

- 1 Sentuh  > tab **Apl** dan pilih **Perakam suara**.
- 2 Sentuh  untuk mula merakam.
- 3 Pilih  untuk menamatkan rakaman.
- 4 Sentuh  untuk mendengar rakaman.

NOTA: Sentuh  untuk mengakses album anda. Anda boleh mendengar rakaman yang disimpan. Masa rakaman yang tersedia mungkin berbeza daripada masa rakaman sebenar.

Menghantar rakaman suara

- 1 Sebaik sahaja anda telah selesai merakam, anda boleh menghantar klip audio dengan menyentuh .
- 2 Pilih antara **Bluetooth, E-mel, Gmail, Memo** atau **Mesej**. Apabila anda memilih Bluetooth, E-mel, Gmail, Memo atau Pemesejan, rakaman suara akan ditambah kepada mesej. Anda kemudiannya boleh menulis dan menghantar mesej seperti biasa.

Pengurus tugas

Anda boleh menguruskan aplikasi anda menggunakan Pengurus Tugas. Anda dengan mudah boleh memeriksa bilangan aplikasi yang sedang berjalan dan menutup aplikasi tertentu. Anda juga boleh menyahpasang aplikasi yang anda telah pasang pada peranti anda.

Polaris Office 4

Polaris Office adalah penyelesaian pejabat mudah alih profesional yang membolehkan pengguna melihat berbagai jenis dokumen pejabat dengan mudah, termasuk dokumen pejabat, termasuk fail Word, Excel dan PowerPoint di mana sahaja, pada bila-bila masa, menggunakan peranti mudah alih mereka. Sentuh  > tab **Apl** > **Polaris Office 4**

Melihat fail

Pengguna mudah alih kini dapat melihat dengan mudah berbagai jenis fail, termasuk dokumen Microsoft Office dan Adobe PDF, langsung pada peranti mudah alih mereka. Apabila melihat dokumen menggunakan Polaris Office, objek dan tatarajah kekal sama seperti dalam dokumen asal.

Backup

Mengenai penyandaran dan pemulihan data telefon pintar

Anda dicadangkan agar anda membuat dan menyimpan fail sandaran pada kad Storan, terutamanya sebelum anda mengemas kini sebarang perisian.

Penyelenggaraan fail sandaran semasa pada Memori storan membolehkan anda memulihkan data telefon pintar anda jika telefon pintar anda hilang, dicuri atau rosak disebabkan kejadian yang tidak dijangka.

Aplikasi sandaran ini menyokong sandaran antara telefon pintar LG, versi perisian atau OS lain. Oleh itu, apabila anda membeli telefon pintar LG yang baru, anda boleh menyandarkan data telefon LG-P880 anda yang lama ke dalam yang baru.

Jika anda telah pramuat aplikasi Sandar & Pulih pada telefon pintar anda, anda boleh menyandarkan dan memulihkan kebanyakan data telefon pintar anda, **Apl** termasuk aplikasi yang tidak dilindungi, tetapannya, **Aplikasi (Muat turun)**, **Aplikasi (Pre-pasang)**, **Penanda buku**, **Kalendar**, **Log panggilan**, **Kenalan**, **Skrin utama**, **Mesej teks**, dan **Tetapan sistem** menggunakan aplikasi ini.

- Untuk melaksanakan sandaran manual bagi data telefon pintar anda.
- Untuk menjadualkan sandaran automatik bagi data telefon pintar anda.
- Untuk memulihkan data telefon pintar anda.

Sandarkan data telefon pintar anda

- 1 Masuk kad memori ke dalam slot dan semak status storan.
- 2 Sentuh tab **Apl** , dan kemudian pilih **Backup > Sandarkan > Kad ingatan** atau **Memori internal**.
- 3 Sentuh **Tambah baru** untuk memberi nama kepada fail sandaran anda, kemudian pilih **Teruskan**.
- 4 Pilih kotak semak di sebelah item yang anda ingin sandarkan lalu pilih **Teruskan** untuk membuat sandaran.
- 5 Apabila semua fail terpilih telah disandarkan, anda akan melihat mesej **'Siap'** dan pilih **Teruskan** untuk melengkapkan penyandaran data.

Menjadualkan sandaran automatik


Anda juga boleh mendayakan sandaran data secara automatik pada telefon pintar anda mengikut tetapan jadual anda. Untuk berbuat demikian, lengkapkan langkah berikut:

- 1 Masuk kad memori ke dalam slot dan semak status storan.
- 2 Sentuh tab **Apl** , kemudian pilih **Backup > Jadual**.
- 3 Pada skrin **Lokasi sandaran berjadual**, sentuh **Kad ingatan** atau **Memori internal**.
- 4 Daripada senarai, pilih berapa kerap anda hendak menyandarkan peranti anda dan tetapannya, lalu pilih **Teruskan**.
- 5 Pilih kotak semak di sebelah item yang anda ingin sandarkan lalu pilih **Teruskan** untuk melengkapkan tetapan jadual.

Memulihkan data telefon pintar

Untuk memulihkan data yang terdapat pada memori peranti semasa anda, mod storan massa mesti dimatikan.

NOTA: Semua fail yang tersimpan dalam telefon pintar anda akan dipadamkan sebelum fail sandaran dipulihkan.


- 1 Masuk kad memori ke dalam slot dan semak status storan.
- 2 Sentuh tab **Apl** , dan kemudian pilih **Backup > Pulihkan > Kad ingatan** atau **Memori internal**.
- 3 Pada skrin **Pulihkan**, pilih fail sandaran yang mengandungi data yang hendak anda pulihkan.
- 4 Pilih kotak semak di sebelah item yang hendak anda sandarkan lalu pilih **Teruskan** untuk memulihkan pada telefon.

NOTA: Sila ambil perhatian bahawa data telefon anda akan ditulis ganti dengan kandungan sandaran anda.


- 5 Jika fail sandaran telah disulitkan, taipkan kata laluan yang anda tetapkan untuk penyulitan.
- 6 Apabila semua fail terpilih telah dipulihkan, anda akan lihat mesej **'Siap'** lalu pilih **Ya** untuk mula semula telefon.

NOTA:

- Ketika dalam mod storan Massa, aplikasi Sandaran ini tidak akan berfungsi. Pilih pilihan Cas sahaja apabila kabel USB disambungkan.
- Anda boleh menetapkan Dayakan penyulitan untuk menyulitkan fail sandaran anda dengan lindungan tambahan.

Tekan **Menu**  daripada skrin **Backup**, dan pilih **Tetapan > Keselamatan** dan pilih kotak semak. Selepas mendayakan penyulitan, untuk memulihkan data penyelenggara tersegerak, anda mesti mempunyai kata laluan pengaktifan.

NOTA:

Anda juga boleh mendayakan pemadaman sandaran lama automatik dan hanya simpan sandaran yang paling terkini. Tekan **Menu**  daripada skrin **Backup**, dan pilih **Tetapan > Sandaran berjadual > Padam sandaran lama secara automatik** untuk memilih nombor sandaran berjadual untuk disimpan.

Google+


Gunakan aplikasi ini untuk kekal berhubung dengan orang lain melalui perkhidmatan rangkaian sosial Google.

- Sentuh  > tab **Apl > Google +**.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung kepada wilayah atau pembekal khidmat.

Carian Voice

Gunakan aplikasi ini untuk membuat carian laman web menggunakan suara.

- 1 Sentuh  > tab **Apl > Carian Voice**.
- 2 Sebut kata kunci atau ungkapan apabila **Sebutkan sekarang** muncul pada skrin. Pilih salah satu kata kunci cadangan yang muncul.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.

MUAT TURUN

Gunakan aplikasi ini untuk melihat fail mana yang telah dimuat turun melalui aplikasi.

- Sentuh  > tab **Apl** > **MUAT TURUN**.






NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.

Internet

Penyemak imbas membawakan kepada anda dunia permainan, muzik, berita, sukan, hiburan dan banyak lagi yang pantas dan penuh warna-warni, langsung pada telefon mudah alih anda. Di mana saja anda berada dan apa sahaja yang anda minati.

NOTA: Caj tambahan akan dikenakan semasa menyambung pada perkhidmatan ini dan memuat turun kandungan. Semak caj data dengan pembekal rangkaian anda.

Menggunakan bar alat web

-  Sentuh untuk ke belakang satu halaman.
-  Sentuh untuk pergi ke hadapan satu halaman yang anda lawati selepas halaman semasa. Ini adalah berlawanan dengan apa yang berlaku apabila anda menekan kekunci **Kembali** yang pergi ke halaman sebelumnya.
-  Sentuh untuk pergi ke Laman utama.
-  Sentuh untuk menambah tettingkap baru.
-  Sentuh untuk akses penanda buku.

Menggunakan pilihan

Tekan  untuk melihat pilihan.

Semula – Kemas kini laman web semasa.

Simpan pada Penanda buku – Tambah laman web semasa sebagai penanda buku.

Pergi ke laman utama – Membolehkan anda untuk pergi ke halaman utama.

Kongsi halaman – Membolehkan anda berkongsi halaman web dengan orang lain.

Mencari pada halaman – Membolehkan anda mencari huruf atau perkataan pada halaman web semasa.

Paparan Desktop – membenarkan anda melihat laman web sebagai desktop.

Simpan untuk pembacaan di – Simpan halaman semasa untuk bacaan sewaktu di luar talian.

Tetapan – Memaparkan Tetapan pelayar.

Keluar – Keluar daripada senarai menu.

Chrome

Gunakan Chrome untuk membuat carian maklumat dan melayari laman web.

1 Sentuh  > tab **Apl** > **Chrome**.


NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung kepada wilayah atau pembekal khidmat anda.

Melihat halaman web


Ketik medan Alamat, lalu masukkan alamat web atau kriteria carian.

Membuka halaman


Untuk pergi ke halaman yang baru, ketik

 → + **New tab**.

Untuk pergi ke laman web yang lain, ketik

, tatal ke atas atau ke bawah, dan ketik halaman ini untuk memilikinya.

Membuat carian web menggunakan suara

Ketik medan alamat, ketik , sebutkan kata kunci dan pilih salah satu kata kunci cadangan yang muncul.

Menyegerak dengan peranti lain


Segerakkan tab dan penanda buku terbuka yang hendak digunakan dengan Chrome pada peranti lain semasa anda sedang log masuk dengan akaun Google yang sama.

Untuk melihat tab yang terbuka pada peranti lain, ketik **Menu**  → **Other devices**.

Pilih laman web yang hendak dibuka.

Untuk melihat penanda buku, ketik .

Tetapan

Pada skrin utama, sentuh  > tab **Apl** > **Tetapan**.

WAYARLES & RANGKAIAN

Di sini, anda boleh menguruskan Wi-Fi dan Bluetooth. Anda juga boleh menyediakan rangkaian mudah alih dan beralih kepada mod pesawat.


< Wi-Fi >

Wi-Fi – Menghidupkan Wi-Fi untuk menyambung ke rangkaian Wi-Fi yang tersedia.

PETUA! Bagaimana untuk mendapatkan alamat MAC

Untuk menyediakan sambungan dalam sesetengah rangkaian wayarles dengan penapis MAC, anda mungkin perlu memasukkan alamat MAC bagi LG-P880 anda ke dalam penghala.

Anda boleh mendapatkan alamat MAC dalam antara muka pengguna berikut: Sentuh tab **aplikasi** >

Tetapan > **Wi-Fi** >  > **Lanjutan** > **Alamat MAC**.

< Bluetooth >

Hidupkan Bluetooth untuk menyambung kepada peranti Bluetooth.

< Data mudah alih >

Menunjukkan penggunaan data dan had data mudah alih.

< Tetapan panggilan >

Konfigurasi tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, dan ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.

Fixed Dialing Numbers – Hidupkan dan kumpulkan senarai nombor yang boleh dihubungi daripada telefon anda. Anda akan memerlukan PIN2 anda, yang boleh didapati daripada operator anda. Hanya nombor yang termasuk dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.

Simpan nombor tak dikenali

– Menambah nombor tidak diketahui ke dalam kenalan selepas panggilan.

Mel suara – Membolehkan anda memilih perkhidmatan mel suara yang disediakan oleh pembawa rangkaian anda.

Tolak panggilan – Membolehkan anda menetapkan fungsi tolak panggilan. Pilih antara **Hubungi mod penolakan** atau **Senarai menolak**.

Tidak menerima dengan mesej –

Apabila anda hendak menolak panggilan, anda boleh menghantar mesej pantas

menggunakan fungsi ini. Ini amat berguna jika anda perlu menolak panggilan semasa mesyuarat.

Butang kuasa menamat panggilan

– Membolehkan anda memilih butang untuk menamatkan panggilan anda.

Mengalihkan panggilan – Pilih sama ada anda ingin mengalih semua panggilan semasa talian sibuk, apabila tidak dijawab atau apabila tiada isyarat.

Sekatan panggilan – Kunci panggilan masuk, keluar atau antarabangsa.

Tempoh Panggilan – Lihat tempoh panggilan termasuk Panggilan terakhir, Semua panggilan, Panggilan didail dan Panggilan diterima.

Tetapan tambahan – Ini membolehkan anda menukar tetapan yang berikut:

ID Pemanggil: Pilih sama ada hendak memaparkan nombor telefon anda pada panggilan keluar.

Panggilan Menunggu: Jika panggilan menunggu diaktifkan, telefon akan memberitahu anda tentang panggilan masuk semasa anda sedang menjawab panggilan lain (bergantung kepada pembekal rangkaian anda).

< Lagi >

Mod pesawat – Selepas beralih kepada mod pesawat, semua sambungan wayarles akan dinyahdayakan.

Hotspot Mudah Alih Wi-Fi – Anda boleh mengkonfigurasi tetapan hotspot Wi-Fi mudah alih.

NFC – LG-P880 anda adalah telefon mudah alih berdaya NFC. NFC (Komunikasi Medan Dekat) adalah teknologi kesambungan wayarles yang mendayakan komunikasi dua hala antara peranti elektronik. Ia beroperasi dalam jarak liputan beberapa sentimeter. Anda boleh berkongsi kandungan anda dengan tag NFC atau peranti lain melalui sentuhan ringkas dengan peranti anda. Jika anda menyentuh tag NFC dengan peranti anda, ia akan memaparkan kandungan tag pada peranti anda.

NOTA: Berhati-hati agar tidak mencalar atau merosakkan bahagian dalam penutup belakang kerana ini adalah antenna NFC.

Untuk mematikan suis NFC atau tidak: Dari Skrin utama, sentuh dan luruskan penarik pemberitahuan dengan jari anda, kemudian pilih ikon NFC untuk menghidupkannya.

NOTA: Apabila mod Penerbangan diaktifkan, aplikasi NFC boleh digunakan.

Menggunakan NFC: Untuk menggunakan NFC, pastikan peranti anda dihidupkan dan aktifkan tetapan NFC, jika dinyahdayakan.

Android Beam – Apabila ciri ini dihidupkan, anda boleh memancarkan kandungan apl ke peranti boleh NFC dengan memegang peranti dalam keadaan rapat.

Hanya rapatkan kedua-dua peranti (biasanya sama membelakang) lalu sentuh skrin anda. Apl akan menentukan apa yang akan dipancarkan.

VPN – Memaparkan senarai Rangkaian Peribadi Maya (VPN) yang telah anda konfigurasi sebelum ini. Membolehkan anda menambah jenis-jenis VPN yang berbeza.

Rangkaian mudah alih – Tetapkan pilihan untuk perayauan data, mod & operator rangkaian, nama titik akses (APN), dan seterusnya.

NOTA: Anda mesti menetapkan PIN kunci skrin atau kata laluan sebelum anda boleh menggunakan simpanan tauliah.

PERANTI

< **Bunyi** >

Profil bunyi – Pilih Bunyi, sama ada Getar sahaja atau Senyap.

Volum – Uruskan volum Nada dering telefon, Bunyi pemberitahuan, Maklum balas & sistem sentuh, Muzik, video, permainan dan media lain.

Masa senyap – Tentukan masa untuk mematikan semua bunyi kecuali penggera dan media.

Nada dering dengan getaran - Maklum balas getaran untuk panggilan dan pemberitahuan.

Nada dering telefon – Membolehkan anda mengeset nilai asalan bagi nada dering panggilan masuk.

Bunyi Pemberitahuan – Membolehkan anda mengeset nilai asalan nada dering pemberitahuan.

Nada Dering Bijaksana – Tetapkan agar volum nada dering telefon anda naik secara automatik semasa paras hingar sekeliling tinggi.

Sentuh bunyi – Membolehkan anda menetapkan telefon anda untuk memainkan bunyi apabila anda menyentuh butang, ikon dan item lain pada skrin yang bertindak balas dengan sentuhan anda.

Bunyi kunci skrin – Membolehkan anda menetapkan telefon anda untuk memainkan bunyi ketika mengunci dan menyahkunci skrin.

Bergetar apabila disentuh – Membolehkan anda menetapkan maklum balas getaran apabila skrin telefon disentuh.

< Paparan >

Kecerahan – Laraskan kecerahan skrin.

Masa tamat skrin – Tetapkan masa untuk masa tamat skrin.

Skrin auto putar – Tetapkan untuk menukar orientasi secara automatik semasa anda memutar telefon.

Jenis fon – Mengubah jenis paparan.

Saiz font: – Tukar saiz paparan huruf.

Lampu kunci depan – Tetapkan masa kunci LED depan.

Penentukuran sensor gerakan – Meningkatkan ketepatan condongan dan kelajuan sensor.

< Skrin utama >

Tetapkan **Tema, Animasi, Efek skrin, Kertas dinding** atau **Paparan menegak sahaja**. Pilih pilihan untuk menetapkan **Tatal skrin secara bulatan** dan **Sokongan & Pengekalan Utama**.

< Skrin kunci >

Pilih skrin kunci – Tetapkan jenis skrin kunci untuk menjamin keselamatan telefon anda. Membuka beberapa skrin yang membantu anda melalui lukisan corak buka kunci skrin. Tetapkan **Tiada, Seret, Membuka kunci Muka, Corak, PIN** atau **Kata laluan**.

Jika anda telah mendayakan jenis kunci Corak semasa anda menghidupkan telefon anda atau membangunkan skrin, anda akan diminta untuk melukis corak buka kunci anda untuk membuka kunci skrin.

Kertas dinding – Pilih kertas dinding untuk skrin kunci anda daripada Galeri atau galeri Kertas Dinding.

Jam & Jalan pintas – Sesuaikan jam & pintasan pada skrin kunci.

Maklumat pemilik – Tunjukkan maklumat pemilik pada skrin kunci.

Kunci pemasa – Tetapkan pemasa kunci selepas tamat masa skrin.

Butang kuasa segera mengunci – Tetapkan kunci skrin semasa butang kuasa ditekan.

Bergetar apabila disentuh – membenarkan anda untuk menetapkan maklum balas getaran bagi telefon skrin sentuh.

Tetapan

< Gerak isyarat >

Alihkan item-item skrin utama – Tekan dan tahan item dan condongkan peranti untuk menggerakkan item di dalam skrin utama atau aplikasi.

Sensitiviti kecondongan – Uji dan ubah kesensitifan sensor condong untuk skrin utama dan aplikasi.

Panggilan masuk secara senyap

– Selak peranti untuk membisukan panggilan masuk.

Penggera tidur sekejap atau berhenti

– Selak peranti untuk tunda atau hentikan penggera.

Jeda video – Selak peranti untuk jeda mainan video.

Bantuan – Bantuan untuk fungsi gerakan.

< Storan >

STORAN DALAMAN – Lihat penggunaan simpanan dalaman.

KAD SD – Semak jumlah ruang kad SD yang ada. Sentuh Menyahlekap kad SD untuk menanggalkannya dengan selamat. Padam kad SD jika anda hendak memadamkan semua data daripada kad SD.

< Jimat Kuasa >

Di sini, anda boleh mengurus bateri dan menyemak item penjimat kuasa. Anda

juga boleh menyemak penggunaan bateri.

< Apl >

Anda boleh melihat dan menguruskan aplikasi.

PERIBADI

< Akaun & selari >

Membolehkan aplikasi menyegerakkan data di latar belakang, sama ada anda sedang menggunakannya secara aktif atau tidak. Membuang tanda semak tetapan ini boleh menjimatkan kuasa bateri dan menurunkan (tetapi tidak menghapuskan) penggunaan data.

< Akses lokasi >

Akses kepada lokasi saya – Jika anda memilih perkhidmatan lokasi Google, telefon anda akan menentukan anggaran lokasi anda menggunakan Wi-Fi dan rangkaian mudah alih. Apabila anda menandakan pilihan ini, anda akan ditanya sama ada anda setuju untuk membolehkan Google menggunakan lokasi anda semasa memberikan perkhidmatan ini.

Satelit GPS – Jika anda memilih satelit GPS, telefon anda akan menentukan lokasi anda sehingga peringkat ketepatan jalan.

Lokasi Wi-Fi & rangkaian mudah

alih. – Biarkan apl menggunakan data daripada sumber seperti Wi-Fi dan rangkaian mudah alih untuk menentukan anggaran lokasi anda.

< Keselamatan >

Sediakan kunci kad SIM – Sediakan kunci kad SIM atau tukar PIN SIM.

Menaip kata laluan boleh dilihat – Tunjuk kata laluan semasa anda menaip.

Pentadbir peranti – Lihat atau nyahaktif pentadbir peranti.

Sumber tidak diketahui – Tetapan lalai untuk memasang aplikasi bukan Market (Pasar).

Pentauliahian Dipercayai – Paparkan sijil-sijil CA yang dipercayai.

Pasang dari simpanan – Pilih untuk memasang sijil yang disulitkan daripada kad SD anda.

Kosongkan butiran – Alih keluar semua sijil.

< Bahasa & input >

Gunakan tetapan Bahasa & papan kekunci untuk memilih bahasa bagi teks pada telefon anda dan untuk mengkonfigurasi papan kekunci atas skrin, termasuk perkataan yang telah anda tambahkan pada kamusnya.

< Sokongan & set semula >

Tukar tetapan untuk menguruskan tetapan dan data anda.

Sandarkan data saya - Tetapkan untuk menyandarkan tetapan anda dan data aplikasi pada pelayan Google.

Akaun sandaran – Tetapkan untuk menyandarkan akaun anda.

Simpan semula automatik – Tetapkan untuk memulihkan tetapan dan data aplikasi anda apabila aplikasi dipasang semula pada peranti anda.

Menetapkan semula data kilang

– Tetapkan semula tetapan anda kepada nilai lalai kilang dan padamkan semua data anda. Jika anda menetapkan semula telefon dengan cara ini, anda akan diminta untuk memasukkan semula jenis maklumat yang sama seperti anda memulakan Android buat pertama kali.

SISTEM

< Tarikh & Masa >

Gunakan tetapan **Tarikh & Masa** untuk menetapkan bagaimana tarikh akan dipaparkan. Anda juga boleh menggunakan tetapan ini untuk menetapkan masa dan zon masa anda sendiri dan bukan mendapatkan masa semasa daripada rangkaian mudah alih.

Tetapan

< Kebolehcapaian >

Anda boleh menggunakan tetapan **Kebolehcapaian** untuk mengkonfigurasi sebarang pasang masuk kebolehcapaian yang telah anda pasang pada telefon anda.

NOTA: Memerlukan pasang masuk tambahan.

< Sambungan PC >

USB Jenis sambungan – Anda boleh tetapkan mod diingini (**Cas sahaja, Penyegerakan media (MTP), Penambatan USB, Perisian LG** ,atau **Kamera (PTP)**).

Meminta untuk penyambungan – Tanya mod sambungan USB ketika hendak menyambung kepada komputer.

Bantuan – Bantuan untuk ketersambungan.

Tetapan telefon atas skrin –

Memaparkan skrin dan mengawal telefon daripada PC adalah tersedia melalui sambungan USB, Bluetooth atau Wi-Fi.

PC Suite Wi-Fi Sambungan – Tandakan tanda semak ini untuk menggunakan **LG PC Suite** dengan sambungan Wi-Fi.

< Mengenai telefon >

Lihat maklumat perundangan, dan periksa status telefon dan versi perisian.

Kemas kini perisian telefon

Kemas kini perisian telefon mudah alih LG daripada internet

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang menggunakan fungsi ini, sila lawati <http://update.lgmobile.com> atau <http://www.lg.com/common/index.jsp> → pilih negara dan bahasa.

Ciri ini membolehkan anda mengemas kini peralatan tegar telefon anda kepada versi terkini daripada internet dengan mudah tanpa perlu melawati pusat servis. Ciri ini tersedia hanya jika dan apabila LG membuat versi lebih baru peralatan tegar yang tersedia bagi peranti anda.

